

940/1
OGOS 2011



**JABATAN PELAJARAN SABAH
(SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK)**

**SEJARAH
KERTAS 1**

(TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800)
(Tiga jam)

**EXCEL II
2011**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)**

Arahan kepada calon:

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT
DEMIKIAN**

Jawab empat soalan sahaja. Dua daripada bahagian A dan dua daripada bahagian B

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda []

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

© 2011 Hak Cipta Terpelihara Sektor Pengurusan Akademik, JPN

STPM 940/1
Kertas soalan ini SULIT sehingga kertas soalan ini tamat

[LihatSebelah*

Bahagian A

1. Jelaskan peranan sistem tulisan dalam masyarakat pada zaman tamadun awal manusia. [25M]
2. Huraikan peranan setiap lapisan masyarakat dalam tamadun India dan China. [25M]
3. Sejauhmanakah faktor kekuatan tentera berperanan dalam mengukuhkan sesebuah empayar dalam tamadun awal? [25M]
4. Bincangkan ciri-ciri pentadbiran pusat dan wilayah di India dengan merujuk pada zaman empayar Maurya. [25M]
5. Huraikan faktor-faktor yang mendorong kepada meletusnya peperangan dalam kerajaan tamadun awal dunia. [25M]
6. Apakah yang dimaksudkan dengan kapitalisme dan jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan ekonomi kapitalisme di Eropah Barat dari tahun 1400 M hingga 1700 M? [25M]
7. Nilai sumbangan Laksamana Cheng Ho dalam perkembangan tamadun manusia. [25M]
8. Bandingkan corak pemerintahan negara kota Athens bermula pada tahun 495 S.M dengan negara Kota Madinah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. [25M]

Bahagian B

9. Jelaskan konsep manusia mengikut pandangan Islam dan Arab Jahiliah. [25M]
10. Huraikan faktor-faktor yang membawa kepada penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W ke Madinah pada tahun 622 M. [25M]
11. Huraikan kepentingan Piagam Madinah kepada pembangunan masyarakat Madinah. [25M]
12. Huraikan aspek kepimpinan Nabi Muhammad SAW dalam bidang ketenteraan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. [25M]
13. Terangkan pelaksanaan zakat dan kepentingannya pada Zaman Bani Abbasiyah. [25M]
14. Bincangkan perkembangan sistem pendidikan Islam di Aceh sebelum abad ke- 18 Masihi. [25M]
15. Bandingkan matlamat penjelajahan dan penerokaan antara tamadun Islam dan tamadun Barat. [25M]
16. Bincangkan kaitan peristiwa hijrah dengan matlamat penjelajahan dan penerokaan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan kesannya kepada umat Islam. [25M]

**Panduan Skema Jawapan:
Bahagian A**

1. Jelaskan peranan sistem tulisan dalam tamadun awal manusia. [25M]

A. Pengenalan : [3M]

Kemunculan dan perkembangan tamadun manusia berlaku secara berperingkat-peringkat. Proses ini bermula pada zaman Neolitik apabila berlakunya revolusi pertanian yang menyebabkan berlakunya petempatan manusia sehinggalah membawa kepada kemunculan sistem tulisan. Ahli arkeologi membuktikan kewujudan tamadun awal melalui penemuan sistem tulisan yang terdapat pada batu bersurat, , tugu, istana kuil, surat perjanjian dan sebagainya. Menurut Darcy Riberio sistem tulisan ialah lambang dan manifestasi sesebuah bangsa. Antara sistem tulisan awal iaitu heroglif (Mesir) ideogram (Sumeria) piktograf (China) dan Phoenicia (Yunani). Bentuk tulisan awal berbentuk lambang dan simbol membawa maksud tertentu.

B. Isi : [7x3]

1. Sistem Tulisan sebagai catatan Pensejarahan :

Ahli arkeologi dapat mengkaji sejarah perkembangan tamadun Mesir melalui penemuan batu bersurat yang dikenali sebagai 'Roseta Inskription' .Tulisan ini terdapat pada dinding-dinding piramid. Melalui tulisan Rosetanini dapat digambarkan corak kegiatan ekonomi dan pertanian masyarakat Mesir purba.

2. Tulisan Untuk Merekod Upacara Keagamaan :

Penemuan rumah berhala 'ziggurat' di Sumeria iaitu bangunan berbentuk piramid tujuh tingkat. Catatan pada dinding kuil dan ziggurat membuktikan telah wujudnya amalan keagamaan dalam masyarakat tamadun awal. Di Mesir penemuan kompleks kuil di Karnak dan Memphis ada mencatatkan tentang gambar-gambar dan simbol menggambarkan keagungan dan kebesaran firaun Kuffu yang membinanya. Tulisan pada dinding kuil membuktikan berlakunya upacara pemujaan terhadap Tuhan firaun atau Amon-Re di Mesir.

3. Tulisan Untuk Merekod Sistem Undang-Undang :

Kod Hammurabi mengandungi 282 pasal meliputi pekara seperti perkahwinan, perdagangan, pertanian, pewarisan harta dan hukuman terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh masyarakat di Mesopotamia. Undang-undang Hammurabi menetapkan hukuman berat kepada sesiapa yang cuba mengubah mana-mana bahagian dalam kod tersebut. Golongan hamba diberikan hak serta dilindungi . Kod Hammurabi juga mencatatkan hak pengguna daripada ditipu oleh peniaga. Hukuman bagi setiap kesalahan jenayah amat berat dan rakyat perlu membayar denda yang berbeza mengikut status sosial. Hukuman lebih ringan jika kesalahan dilakukan oleh golongan atasan atau bangsawan dan sebaliknya.

4. Tulisan untuk Merekod Perkembangan Ilmu Pendidikan :

Catatan pada buku rekod-rekod perubatan di Mesopotamia mengandungi 600 koleksi ubat-ubat dan merekod perkembangan bidang perubatan yang dikawal oleh kerajaan. Doktor diberikan penghormatan tinggi dan dilantik untuk berhidmat di istana. Kod Hammurabi mengandungi sembilan fasal/kod berkaitan ilmu pembedahan. Dalam ilmu matematik sistem angka diperkenalkan. Terdapat dua sistem angka iaitu perpuluhan dan perenam puluhan. Dua teks ilmu matematik telah dihasilkan iaitu 'table text' dan 'problem text' oleh masyarakat di Mesopotamia.

5. Tulisan Untuk Merekod Karya Kesusasteraan/ Kesenian :

Epik Gilgamesh merupakan karya puisi yang panjang menyentuh tentang kepahlawan dan kehebatan putera-putera diraja dan corak hidup orang Sumeria. Pada zaman Sumeria epik yang terkenal iaitu Legenda Etana dan Legenda Adapa. Karya yang dihasilkan pada zaman Babylon lama iaitu 'The Poor Man of Nippur, The Lord of Wisdom dan Pessimistic Dialouge Between Master and Servant'. Pada abad ke- 3 SM tulisan cunieform menceritakan mitos tentang tuhan Enlil dan Ninhursag dihasilkan.

6. Tulisan untuk Merekod Urusan Pentadbiran :

Catatan rekod-rekod pentadbiran zaman dinasti-dinasti awal di China. Penemuan kubur besar besar 'Teracota' mencatatkan tentang keagungan pemerintahan Shih Huang Ti. Di India terdapat catatan undang-undang dan tanggungjawab pemerintahan yang di pahat pada tiang-tiang batu Asoka untuk dipamerkan di khalayak ramai.

7. Tulisan Untuk Merekod Urusan Ekonomi Perdagangan :

Di Mesir rumah-rumah berhala mempunyai buku-buku rekod dan catatan tentang semua urusan jual beli, menyimpan buku-buku kredit (hutang) dan merekod barangbarang pesanan.

8. Tulisan Untuk Ketenteraan :

Melalui teks-teks 'Taittiriya Upanishad ' dan kitab-kitab Rig-Veda mencatatkan bahawa raja dianggap sebagai pemimpin tentera yang berperanan melindungi rakyat.

C. Kesimpulan :

Apa sahaja yang berkaitan.

2. Huraikan peranan setiap lapisan masyarakat dalam tamadun India dan China.

[25M]

A. Pengenalan [3M]

Definisi Organisasi Sosial

- Menurut Melvin Tumin organisasi sosial merujuk satu pembahagian anggota masyarakat kepada lapisan sosial yang berbeza dari segi kuasa, kekayaan, gaya hidup, pekerjaan dan sebagainya. Organisasi sosial juga merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan sosial yang mempunyai perbezaan dari segi kuasa, kekayaan, gaya hidup, pekerjaan, dan sebagainya.
- Kewujudan organisasi sosial sememangnya dapat dikesan sejak Zaman Neolitik berikutan berlakunya perubahan cara hidup masyarakat yang mula melibatkan diri dalam kegiatan pertanian yang telah menimbulkan pelbagai kelas dalam masyarakat sama ada pemerintah dan paderi yang menggunakan autoriti dan kuasa agama untuk menguasai hasil ekonomi negara diikuti munculnya golongan tentera untuk melindungi kekayaan dan kepentingan negara serta kelas yang paling bawah biasanya petani dan hamba yang bertanggungjawab mengeluarkan hasil ekonomi negara.
- Organisasi sosial menyebabkan wujud pembahagian kuasa dan kerja bagi setiap golongan masyarakat dalam tamadun India dan China.
- Latar belakang tamadun India dan China

B. Isi

Organisasi sosial di Lembah Indus dan peranannya [10M]

1. Golongan Pendeta

- Merupakan golongan yang berpengaruh di India walaupun kecil bilangannya
- Disebabkan tidak adanya sistem pemerintahan beraja, maka tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran negara dipikul atau diamanahkan kepada golongan paderi yang dianggap golongan yang suci serta mempunyai hubungan yang paling rapat dengan tuhan ataupun dewa.
- Dari segi pentadbiran dan perundangan misalnya, golongan pendeta bertanggungjawab menggubal serta melaksanakan peraturan dan undang-undang yang pada amnya lebih bersifat keagamaan berdasarkan kitab-kitab suci mereka.
- Golongan ini juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi, kerana institusi agama (kuil) mempunyai tanah-tanah pertanian yang luas akan dikerjakan oleh golongan petani ataupun hamba.
- Golongan ini juga bertanggungjawab mengagihkan hasil-hasil pertanian yang dikumpulkan dalam jelapang.
- Dari segi sosial pula, tanggungjawab kebajikan yang dipikul oleh golongan ini ialah menyediakan kemudahan infrastruktur seperti pembaikan jalan raya.

2. Golongan Pedagang

- Merupakan golongan kelas atasan bersama pendeta dalam masyarakat di lembah Indus. Golongan ini sebagaimana golongan pendeta hidup dalam keadaan mewah dan mempunyai pekerja-pekerja yang terdiri samada golongan buruh yang merdeka atau hamba.
- Golongan ini dapat menjalani kehidupan yang mewah kerana urusan perdagangan yang dijalankan oleh mereka adalah bebas , iaitu tiada campur tangan golongan pendeta serta dikecualikan daripada membayar cukai.
- Para pedagang ini juga mempunyai cop-cop mohor yang mempunyai lambing bercorak keagamaan yang menandakan kekayaan yang dimiliki serta dipercayai menjadi azimat yang ada kuasa sakti

3. Golongan bawahan

- Golongan bawahan terdiri daripada petani, buruh dan hamba.
- Golongan petani biasanya tinggal di rumah-rumah kecil ataupun yang disediakan oleh golongan pedagang, biasanya rumah tersebut hanya mempunyai 2 buah bilik.
- Segala kerja pertanian yang dijalankan oleh golongan petani akan diawasi oleh para pendeta.
- Sementara golongan buruh pula biasanya akan menjalani tugas-tugas seperti menghantar bijirin, membina tembok, dan menenun kain.
- Manakala kerja-kerja yang lebih keras seperti mengumpul, menyimpan bijirin yang dihasilkan oleh petani dijalankan oleh hamba.

4. Kedudukan Organisasi Sosial selepas kedatangan orang-orang Aryan

- Kedatangan orang Aryan telah membawa perubahan iaitu menyebabkan kehidupan masyarakat pada masa itu telah diasing-asingkan . Sistem sosial masyarakat di sini kini dipengaruhi oleh sistem kasta. Sistem ini mengklasifikasikan penduduk mengikut pekerjaan mereka.
- Golongan yang paling tinggi dalam masyarakat dikenali sebagai Brahman yang berurusan dalam soal keagamaan serta spiritual dan mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang politik dan pemerintahan.
- Golongan kedua pula Kshatriya yang bertanggungjawab pula menjalankan tugas-tugas ketenteraan seperti memberikan perlindungan kepada Brahman dan menghadapi musuh apabila diancam.
- Seterusnya pula golongan Vasya yang biasanya dirujuk kepada golongan yang mempunyai kekayaan khasnya golongan pedagang.
- Manakala kasta yang paling rendah diantara 4 kelas ialah sudra iaitu biasanya merujuk kepada golongan petani.
- Kasta- kasta yang diamalkan disini amat rigid, menyebabkan pergaulan antara kelas atasan dan bawahan adalah amat terbatas.

Organisasi sosial masyarakat China [10M]

1. Golongan raja

- Merupakan kelas tertinggi dalam masyarakat China. Raja atau maharaja memiliki kuasa mutlak dalam bidang pentadbiran.
- Antara tugas raja di China ialah menjadi sumber undang-undang negara, segala arahan dan perintah raja mesti dilaksanakan, menjadi ketua agama, ketua kerajaan dan hakim, mengetuai upacara agama, melantik ketua pelbagai jenis agama dan kepercayaan, dan juga melantik pegawai pentadbir untuk melicinkan struktur pentadbiran.
- Masyarakat China percaya dengan konsep mandat dari syurga. Bermaksud mereka percaya jika raja memerintah dengan adil, kerajaan dan rakyat akan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Mandat akan ditarik balik jika raja itu zalim dan keadaan ini digambarkan melalui bencana alam, keadaan politik yang tidak stabil dan sebagainya.
- Pun begitu kebanyakan tugas raja dijalankan oleh wakil-wakilnya atas nama baginda, biasanya golongan aristokrat atau bangsawan dalam masyarakat China.

2. Golongan Aristokrat

- Merupakan pembantu utama raja, dan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam sistem politik dan sosial masyarakat China
- Dizaman dinasti Shang, golongan ini memonopoli penggunaan gangsa dalam bentuk alat2 ritual dan senjata
- Sesuai dengan tarafnya, golongan ini membina rumah kediaman berhampiran rumah ibadat yang biasanya dikelilingi oleh tembok sebagai langkah keselamatan
- Di zaman Dinasti Chao golongan ini amat berpengaruh, mempunyai banyak pengikut serta tanah-tanah yang dikerjakan oleh petani sesuai dengan sistem feodal yang diamalkan pada masa itu.

3. Golongan yang diperintah

- Dari segi pekerjaan masyarakat China dapat dibahagikan kepada 4 kelas, kelas yang tinggi darjatnya ialah golongan cerdik pandai yang berperanan memberi nasihat kepada raja dan masyarakat berhubung dengan pentadbiran serta tingkah laku.
- Sesuai dengan penguasaannya dalam ilmu-ilmu tertentu, maka tidak hairanlah golongan ini terlalu dipuja oleh masyarakat
- Golongan inilah yang bertanggungjawab memperkenalkan pelbagai aliran pemikiran di China seperti confucianisme, taoisme, legalisme moisme, dan manciusme.
- Golongan yang kedua terpenting dalam masyarakat china yang menjadikan organisasi di sini agak unik ialah petani, mereka dianggap kumpulan mulia kerana membekalkan makanan yang merupakan asas kepada kehidupan manusia.
- Kelas seterusnya ialah golongan artis @ tukang-tukang yang mahir yang bertanggungjawab menghasilkan monumen – monumen tertentu.
- Akhir sekali dalam kelas masyarakat ini ialah golongan pedagang yang diletakkan di tangga terbawah kerana mereka dianggap penipu serta mengaut keuntungan daripada rakyat, tidak seperti kawasan lain tetapi tidak dipandang tinggi oleh masyarakat.

- Bagi masyarakat China selain pedagang dipandang rendah satu lagi kumpulan yang lebih hina kedudukannya iaitu terdiri daripada pelakon, pelacur serta hamba tidak mempunyai tempat di sisi masyarakat.
- Ditinjau dari aspek kekeluargaan pula golongan pembesar dan kerabat diraja pula tidak dibenarkan berkahwin lebih dari seorang perempuan. Golongan wanita mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki, hanya lelaki mempunyai kuasa menceraikan isteri.

C. Kesimpulan :

Apa-apa yang berkaitan

**3. Sejauhmanakah faktor kekuatan tentera berperanan dalam mengukuhkan
sesebuah empayar dalam tamadun awal. [25M]**

A. Pendahuluan :

Menurut Farmer dalam buku, *Comparative History of Civilizations*, empayar merujuk kepada entiti politik yang menyatukan zon budaya yang luas. Kemunculan empayar disebabkan oleh dasar imperialisme yang menyebabkan berlaku proses penaklukan dan perluasan kuasa terhadap negara-negara lain. Proses perluasan kuasa menyebabkan muncul beberapa empayar seperti empayar Maurya dan Gupta di India, empayar Chin dan Han di China dan empayar Rom di Eropah. Terdapat dua jenis empayar yang utama iaitu empayar daratan dan empayar maritim. Empayar daratan menguasai tanah yang luas seperti empayar Maurya, Gupta, Rom dan Chin. Empayar maritim pula bergantung kepada penguasaan laut seperti empayar Srivijaya dan Majapahit .
Konsep ketahanan dan pertahanan.

B. Isi-isi : [2 x3 M]

1. Kekuatan ketenteraan melalui teknologi :

Kekuatan ketenteraan amatlah penting dalam pengukuhan empayar dan bagi Mewujudkan Keamanan Dalam Empayar. Para pemerintah menggunakan tentera untuk mengatasi rampasan kuasa, pemberontakan dan keadaan kacau bilau. Bagi memudahkan tentera mengawal keadaan dalam negara, kota-kota pertahanan, jalanraya dan tembok didirikan. Contohnya pada zaman pemerintahan Maharaja Shih Huang Ti, tembok besar yang dikenali sebagai Tembok Besar China didirikan bagi mengelakkan serangan orang-orang kasar.

2. Jenis Tentera

Dalam Tamadun India pula, kekuatan ketenteraan begitu dominan dalam pengukuhan dan perluasan empayarnya. Dalam hal ini,terdapat empat jenis tentera yang digunakan iaitu tentera bergajah, tentera berkuda, tentera berkereta kuda dan tentera berjalan kaki (infantri).

3. Komposisi Tentera

Terdapat juga unit – unit seperti tentera laut, pengintip, kumpulan perintis dan komisariat. Keunikan ketenteraan India ialah penggunaan gajah dan ianya berperanan memecahkan barisan tentera musuh, meruntuhkan kubu, pintu kota dan benteng pertahanan. Kereta kuda pula digunakan secara meluas pada zaman Maurya dan kebiasaannya Raja – raja India mempunyai angkatan tentera yang besar. Misalnya, Candragupta Maurya mempunyai 600, 000 orang tentera , Rajaraja I mempunyai 900, 000 orangtentera dan Mahendrapala boleh menggerakkan 800,000 orang tentera pada bila-bila masa.

Faktor-faktor lain[5x3M]

4. Perluasan wilayah :

Salah satu ciri lain dalam penguatan empayar ialah perluasan kuasa. Apabila sesebuah empayar menjadi stabil, langkah-langkah diambil untuk memperkembangkan pengaruh di wilayah-wilayah berhampiran. Usaha perluasan kuasa merupakan langkah untuk menundukkan kuasa-kuasa besar di pinggiran yang menggugat kestabilan politik sesebuah empayar. Contohnya, empayar Maurya diasaskan oleh Chandragupta Maurya dengan menyatukan negara-negara kecil di utara India. Pembentukan empayar ini bertujuan untuk menundukkan ancaman Yunani.

5. Sistem birokrasi yang teratur :

Kekuatan sesebuah empayar dapat dipertahankan dengan wujudnya sistem pentadbiran yang sistematik dan teratur. Sistem pentadbiran amat penting bagi mengukuhkan cengkaman kuasa kerajaan di seluruh wilayah jajahan takluk. Untuk tujuan tersebut, biasanya sesebuah kerajaan membahagikan empayar kepada wilayah-wilayah yang diperintah oleh gabenor. Kerajaan pusat melantik pemerintah di peringkat wilayah dan sentiasa mengawasi pegawai-pegawai di wilayah. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti telah membahagikan empayarnya kepada 36 wilayah dan wilayah-wilayah ini ditadbir oleh gabenor tentera.

6. Keseragaman budaya :

Pembentukan empayar bertujuan untuk melahirkan keseragaman budaya di seluruh empayar. Dalam konteks ini, lazimnya budaya negara induk akan dijadikan budaya rasmi di seluruh jajahan takluk empayar. Contohnya, Iskandar Zulkarnain menyebarkan kebudayaan Hellenistik yang merupakan paduan antara budaya Yunani dan Parsi ke seluruh empayar. Beberapa bandar baru ditubuhkan sebagai pusat penyebaran kebudayaan Hellenistik seperti Iskandariah dan Antioch.

7. Hegemoni sosial dan ekonomi :

Para pemerintah sesebuah empayar lazimnya akan bertindak menyeragamkan sistem tulisan, ukuran timbangan dan penggunaan matawang. Tindakan ini diambil untuk melicinkan urusan pentadbiran dan juga untuk memupuk semangat nasionalisme di kalangan penduduk. Contohnya, Sargon Agung telah memperkenalkan bahasa Akkadia sebagai bahasa rasmi empayarnya. Manakala, Asoka yang merupakan pemerintah agung empayar Maurya telah menjadikan bahasa Sanskrit sebagai bahasa rasmi empayarnya bertujuan mewujudkan penyatuan politik dan budaya. Dalam bidang ekonomi pula para pemerintah memperkenalkan sistem timbangan, ukuran dan matawang yang seragam. Contohnya, di Melaka, sistem timbangan berdasarkan ukuran kati dan tahil digunakan.

8. Kewibawaan pemimpin :

Kekuatan dan keutuhan sebuah empayar bergantung kepada pemimpin yang berwibawa. Pemimpin yang berwibawa dapat mewujudkan kestabilan politik. Ini dapat diwujudkan dengan menggunakan kekuatan tentera. Di samping itu, pemimpin-pemimpin juga memberikan naungan politik kepada pertumbuhan tamadun. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti memberi peluang kepada golongan sarjana yang berminat dengan falsafah Konfucius menjalankan penyelidikan sejarah. Manakala, kerajaan Maurya memberikan naungan politik kepada golongan karyawan untuk bergiat dalam lapangan kesenian dan kesusasteraan.

9. Penyebaran agama :

Pemimpin sebuah empayar juga bertindak menyebarkan fahaman agama ke wilayah-wilayah jajahan takluk khususnya kepada pemimpin yang terikat dengan sesuatu fahaman agama dan ingin membawa perubahan dalam masyarakat. Contohnya, Maharaja Asoka telah mengambil beberapa langkah untuk menyebarkan agama Buddha dalam empayarnya. Selain, mengadakan siri lawatan ke seluruh empayar untuk menyebarkan agama Buddha, baginda juga melantik pegawai-pegawai yang dikenali sebagai Dharma Mahamatra untuk menyebarkan agama Buddha. Selain itu, Asoka telah mempraktikkan dan mengamalkan ajaran-ajaran Buddha dalam kehidupannya dengan menghentikan amalan membunuh binatang dan memakan daging. Hasil usaha dan langkah-langkah tersebut, agama Buddha telah menjadi agama dunia.

10. Kemajuan komunikasi :

Kejayaan sebuah empayar juga bergantung kepada sistem pengangkutan dan komunikasi. Rangkaian jalanraya diperlukan untuk menggerakkan pasukan tentera untuk melicinkan pentadbiran. Hal ini dapat dilihat dalam kerajaan Rom pada zaman Augustus Caesar. Beliau telah membina jalanraya-jalanraya yang menghubungkan Rom dengan kebanyakan kawasan jajahannya. Ini telah memudahkan pergerakan tentera ke kawasan jajahan untuk mematahkan sebarang kebangkitan untuk mencabar kepimpinan maharaja.

C. Kesimpulan :

Empayar merupakan entiti politik yang lahir daripada kegiatan ketenteraan yang menyebabkan proses perluasan wilayah. Sebagai unit politik yang merangkumi kawasan yang luas, empayar mempunyai beberapa ciri seperti sistem birokrasi kerajaan pusat yang mantap, kehomogenian budaya, agama dan budaya, kekuatan militer, perlaksanaan hegemoni dan sistem naungan ekonomi. Ciri-ciri ini amat penting dalam memantapkan serta mengukuhkan kedudukan sebuah empayar dari segi politik, ekonomi dan sosial.

4. Bincangkan ciri-ciri pentadbiran pusat dan wilayah di India dengan merujuk pada zaman empayar Maurya. [25M]

A. Pengenalan (3 markah)

Latar belakang Empayar Maurya

Empayar Maurya diasaskan oleh Chandragupta Maurya pada tahun 321SM -297SM . Nama empayar ini diambil daripada perkataan 'Moriyus' iaitu satu suku yang terdapat di Utara India. Pemerintahan Empayar Maurya diteruskan oleh anaknya iaitu Bindusara dari tahun 297SM - 272SM, kemudian diikuti oleh Asoka dari tahun 273 -323 SM yang dianggap sebagai zaman keagungan dan kegemilangan Dinasti Maurya. Terdapat 10 orang Maharaja yang menjadi pemerintah dalam Dinasti Maurya dan yang terakhir ialah Maharaja Brhadhratha.

B. Isi (7 isi X 3 markah)

Ciri-ciri pentadbiran pusat dan wilayah di India

1. Pentadbiran pusat diketuai oleh Maharaja.

- bertindak sebagai ketua dalam bidang eksekutif, kehakiman dan ketenteraan.
- Raja dianggap suci, dan menikmati banyak hak keistimewaan dan gelaran-gelaran khas seperti 'Devaraja'.

2. Raja dibantu oleh menteri-menteri dalam sebuah Majlis Menteri (council)

- Tugas utama menteri ialah memberi nasihat kepada raja berhubung dengan hal ehwal penting dalam Negara.
- Menteri-menteri biasanya dilantik oleh raja berdasarkan kelayakan dan kebolehan mereka, dan tidak berdasarkan pengaruh dan latar belakang keluarga mereka.
- Bilangan anggota menteri berubah mengikut keadaan iaitu 3 hingga 12 orang.
- Contoh: Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri Peperangan dan Menteri Pendamaian.

3. Pembentukan 'Menteri Parishad' yang terdiri daripada dua buah Majlis iaitu 'Majlis Negeri' dan 'Majlis Eksekutif'.

- Berfungsi sebagai membantu raja dalam kerja-kerja pentadbiran.
- Raja biasanya mendapatkan pandangan dari 'Majlis Negeri' sebelum sesuatu keputusan dilakukan.

4. Mewujudkan sistem birokrasi yang diketuai oleh beberapa orang pegawai tinggi kerajaan.

- Fungsi sistem birokrasi membantu kerja-kerja pentadbiran yang diketuai oleh menteri-menteri.
- Contoh: Ketua paderi, ketua komander, ketua hakim dan ketua bendahari.

5. Mewujudkan jabatan-jabatan peringkat rendah yang terdiri daripada penguasa jabatan kerajaan dan kakitangan sokongan iaitu terdapat 28 jabatan.

- Setiap jabatan diketuai oleh seorang penguasa dan penguasa-penguasa tersebut akan diawasi oleh Komisioner.
- Contoh jabatan rendah: Jabatan perlombongan , Jabatan akaun, Jabatan emas, Jabatan gudang, Jabatan pertanian.

6. Mewujudkan jawatan pengintip atau ejen rahsia yang berkhidmat untuk raja dan pegawai penting.

- Pengintip dibahagikan kepada beberapa kelas dan mempunyai fungsi atau tugas yang berlainan.
- Pengintip –pengintip diwujudkan untuk mengawasi tindak tanduk pegawai tinggi, seperti menteri-menteri, putera mahkota dan sebagainya.

7. Pentadbiran wilayah dibahagikan kepada peringkat daerah, dan kampung.

- Peringkat daerah diketuai oleh ‘Sthanika’ dan di peringkat kampung diketuai oleh ketua kampung yang dilantik oleh raja atau dipilih oleh penduduk kampung.
- Diperingkat kampung juga dilantik juru akaun atau ‘Gopa’ yang bertanggungjawab menyimpan akaun dan akan dipantau oleh ‘Sthanika’.
- Ketua kampung biasanya dibantu oleh ‘assembly’ yang terdiri daripada beberapa penduduk kampung.

8. Mewujudkan pentadbiran di peringkat bandar-bandar yang dibahagikan kepada unit pentadbiran kecil, yang dikenali sebagai ‘wad’ yang dianggotai oleh beberapa keluarga .

- Setiap bandar diketuai oleh ‘Nagaraka’ atau penguasa bandar dan diperingkat ‘wad’ terdapat pegawai-pegawai kecil dilantik.

C. Kesimpulan:

Pentadbiran pusat dan wilayah di India yang sistematik telah banyak membantu perkembangan tamadun India terutama dari segi perluasan empayar. Kedua-dua pentadbiran ini juga telah menjadikan Empayar Maurya sebagai empayar yang kuat pada zaman kegemilangan mereka.

5. Huraikan faktor-faktor yang mendorong kepada meletusnya peperangan dalam tamadun awal manusia. [25M]

A. Pengenalan : [3M]

Konsep

Ketahanan:ertinya ketabahan,kecekan dan kesabaran dalam menghadapi sebarang ancaman dan dugaan serta tidak mudah luntur dalam perjuangan. Ketahanan terdiri daripada ketahanan rohani/spiritual dan ketahanan fizikal. Ketahanan rohani/spiritual meliputi aspek-aspek agama dan moral. Ketahanan fizikal merangkumi aspek lahiriah, termasuk pembinaan jasmani dan ketenteraan.Illmu pengetahuan,pengalaman, kecekapan dan pelaksanaan yang betul merupakan asas-asas yang penting dalam pembinaan ketahanan fizikal dan rohani bagi sesebuah masyarakat dan negara. Ketahanan rohani dan fizikal mestilah dibina dengan seimbang dan sepadu. Ketahanan diri, masyarakat dan negara merupakan persediaan yang wajar dan perlu diambil perhatian yang serius bagi melaksanakan tahap kedua iaitu pertahanan.

Pertahanan : merupakan perihal mempertahankan diri, masyarakat, agama dan negara daripada serangan musuh,membela golongan yang lemah, teraniaya, dan dizalimi juga termasuk dalam erti pertahanan. Mempertahankan hak dan tanggungjawab memerlukan pengorbanan yang besar dari segi harta,masa, jiwa dan nyawa.

Setiap peperangan yang berlaku merupakan cara untuk mempertahankan negara dan mempunyai tujuan yang berbeza bagi setiap tamadun.

B. Isi : [5x4M]

1. Pembentukan dan perluasan empayar :

Peperangan selalunya ditujukan kepada kepentingan menguasai negara-negara jiran, sumber-sumber alam, tenaga manusia atau kawasan-kawasan yang dianggap strategik bagi imperialis. Berdasarkan konsep bahawa negara yang kuat haruslah memimpin negara yang lemah seperti yang dikatakan oleh Pericles, seorang pemimpin Yunani pada kurun ke 5 SM. Imperialisme dan pembinaan empayar adalah bertujuan memperkukuhkan kedaulatan dan kuasa politik sesuatu monarki pada peringkat awal tamadun manusia. Luasnya empayar dianggap sebagai kayu ukur untuk menguatkan kegemilangan sesuatu sistem pemerintahan serta meningkatkan kemegahan dan kemuliaan seseorang raja yang dapat diperolehi melalui keberanian dalam medan perang. Sesebuah kerajaan bukan sahaja bergantung kepada agama seperti hak ketuhanan, raja tetapi juga proses penaklukan untuk mengesahkan pemilihan kuasa politiknya ke alas rakyat bawahan. Peperangan adalah perlu untuk menyatukan kesemua kelompok penduduk yang berlainan bangsa, kepercayaan dan adat, agama, dan bahasa. Contohnya ialah Chandragupta Maurya yang mewujudkan empayar pertama dalam sejarah India. Dari pusat kuasanya di Bihar, kuasa Maurya telah dikuatkuasakan ke atas penduduk-penduduk di Lembah Indus dan Deccan. Dasar imperialisme juga dapat disaksikan dengan penaklukan Iskandar Zulkarnain yang berjaya meluaskan empayar Yunani ke Asia dan akhirnya melahirkan suatu sistem kebudayaan yang dikenali kebudayaan Hellenistic. Dasar imperialisme juga nyata sekali dalam pembinaan empayar Rom.

2. Masalah sempadan :

Peperangan juga dilakukan untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara daripada dicerobolu oleh musuh-musuh. Fenomena ini selalunya berpunca daripada ketiadaan sempadan yang tetap tetapi sentiasa berubah-ubah akibat pengembangan atau pengecutan kuasa sesuatu kerajaan. Oleh kerana sempadansempadan tidak didasarkan persetujuan politik tetapi ditentukan oleh faktor-faktor geografi atau

keperluan sesuatu unit politik, maka perselisihan kerap kali timbul yang membawa kepada pencetus peperangan. Contoh-contoh ialah tamadun Mesopotamia kuno di mana peperangan berlaku di kalangan negara kota yang disebabkan ketiadaan sempadan yang jelas. Sempadan-sempadan negara China sejak Dinasti Chou juga menghadapi serangan-serangan orang gasar (Hsiung-nu) dan Kerajaan Chin terpaksa mencantumkan semua tembok pertahanan untuk mempertahankan negaranya daripada musuh-musuh. Tembok ini dikenali sebagai Tembok Besar China yang panjangnya hampir 2250 batu. Di empayar Rom tekanan-tekanan dalaman seperti pertambahan bilangan penduduk juga mencetuskan peperangan di kawasan sempadan-sempadan.

3. Menguasai Sumber Ekonomi :

Peperangan juga merupakan suatu saluran untuk memperoleh sumber-sumber ekonomi yang penting untuk kepentingan rakyat dan asas kekuasaan kerajaan. Persaingan selalu tercetus untuk merampas atau menguasai sumber-sumber bahan mentah seperti logam mendapatkan tanah-tanah yang subur untuk pertanian, mendapatkan tenaga perburuhan; tenaga hamba untuk mengerjakan ladang-ladang besar yang dikenali Latifundia di Semenanjung Itali dan Afrika Utara. Di Mesopotamia, negara-kota sering berperang untuk mengawal sumber air daripada sungai Tigris dan Euphrates.

4. Mengatasi pemberontakan :

Kadangkala peperangan dilancarkan untuk membendung semangat memberontak demi kepentingan mengekalkan kestabilan rejim diktator. Sparta, misalnya, memalukan kota jirannya iaitu Messenia dan penduduk-penduduknya dipaksa mengusahakan tanah pertanian untuk rakyat Sparta yang hanya berperanan sebagai askar. Tentera Sparta biasanya melakukan kekerasan untuk menghambakan orang-orang Messaenia dan memecahkan semangat penentangan.

5. Melindungi Ekonomi Perniagaan :

Kekerasan dan peperangan untuk melindungi ekonomi perniagaan di dalam negara/empayar dan juga di luar negara. Perdagangan antarabangsa dan jalan perdagangan biasanya meliputi beberapa kawasan yang luas dan perlu dilindungi untuk menjamin eksport dan import. Rom, misalnya berperang dengan Carthage untuk mengekalkan monopoli perdagangan di seluruh Lautan Mediterranean.

6. Faktor Agama :

Kemenangan Athens ke atas Parsi dalam Perang Parsi seperti yang ditulis oleh Herodotus contoh Perang antara Parsi (beragama-theist) dengan Athens (atheist). Mempertahankan kedaulatan dari serangan luar (orang gasar) Kepentingan peribadi seperti wanita, keluarga, balas dendam dan kekayaan, contoh spt Cleopatra, Mark Anthony dalam Perang Actium

C. Kesimpulan :[2M]

Peristiwa peperangan adalah suatu fenomena sejagat. Objektif-objektifnya adalah berbeza mengikut perbezaan tamadun dan jangka waktu. Pada asasnya timbul daripada sifat manusia yang cenderung untuk menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan sesuatu konflik. Akhirnya, peperangan merupakan suatu faktor utama yang menentukan corak perjalanan sejarah dunia.

6. Apakah yang dimaksudkan sebagai kapitalisme dan jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan ekonomi kapitalisme di Eropah Barat dari tahun 1400 M hingga 1700 M. [25M]

A. Pengenalan :

Sejarah kemunculan :

Kemunculan idea Kapitalisme dapat dikesan sejak zaman pertengahan awal, namun ia tidak menyeluruh. Kapitalisme menjadi dominan di Barat semenjak berakhirnya era Feudalisme. Fahaman kapitalisme menjadi lebih kukuh selepas gerakan reformasi dan kemunculan aliran-aliran agama baru khususnya aliran Calvinisme. Bermula dari England, kapitalisme merebak ke seluruh Eropah dan merupakjan adalah sistem ekonomi utama di dunia yang memacu era perindustrian. Menjelang abad ke-19, fahaman Kapitalisme menjadi dominan dan disebarikan ke seluruh dunia menerusi aktiviti penerokaan dan penjelajahan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Barat.

B. Definisi Kapitalisme [5M] :

Kapitalisme merupakan sistem ekonomi dan sosial yang cenderung ke arah pengumpulan kekayaan oleh individu tanpa gangguan kerajaan dan berasaskan keuntungan. Takrif individu di sini juga boleh merujuk kepada sekumpulan individu seperti syarikat. Sistem ekonomi kapitalis berdasarkan kuasa pasaran bebas dalam menentukan pengeluaran, kos, menetapkan harga barang dan perkhidmatan, pelaburan dan pendapatan. Pengkritik sistem kapitalis selalu berhujah bahawa sistem ini mewujudkan jurang perbezaan yang ketara antara yang kaya dengan yang miskin. Kapitalisme berasal dari perkataan ‘capital’ yang bermaksud “modal”. Dikenali juga sebagai *laissez faire*. Kapitalisme ialah sistem yang menggalakkan pengumpulan modal, kebebasan ekonomi, hak milik persendirian, kebebasan pasaran dan perniagaan untuk keuntungan. Dalam ekonomi kapitalisme, individu dan syarikat-syarikat yang mempunyai modal dan harta mempunyai hak dan kebebasan menjalankan perdagangan. Matlamat utama Kapitalisme ialah mengaut keuntungan sebanyak mungkin. Ringkasnya Kapitalisme adalah sistem ekonomi bebas berasaskan pemilikan harta sendiri serta perniagaan atau perusahaan bermatlamatkan keuntungan, kewangan dan kebendaan.

C. Faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan ekonomi kapitalisme di Eropah Barat dari tahun 1400 M hingga 1700 M. [5x3M]

1. Perkembangan institusi kewangan :

Perkembangan institusi kewangan seperti insurans dan bank di bandar-bandar telah menggalakkan perkembangan Kapitalisme di Eropah.

Menjelang abad ke-15 M, kegiatan meminjam wang untuk mendapatkan keuntungan menjadi satu perniagaan yang menguntungkan.

Bank-bank penting dikuasai oleh keluarga Medici (di selatan) dan keluarga Fuggers di Ausberg (di utara). Bank-bank ini mempunyai peranan yang besar dalam menjana ekonomi dan terkenal di peringkat antarabangsa.

Bank-bank ini telah bertindak membuka pejabat cawangan di Paris, London, Barcelona, Marselles, Tunis, pelabuhan Afrika Utara, Naples dan Rom.

Bank-bank kerajaan seperti Bank Sweden (1657) dan Bank England (1654) turut ditubuhkan.

Keuntungan yang diperoleh melalui pinjaman pelaburan dan pertukaran wang disalurkan kepada perkembangan sektor perindustrian.

Institusi bank memberikan pinjaman bagi membantu golongan kapitalis mendapatkan modal yang besar untuk meluaskan kegiatan perdagangan.

2. Penubuhan negara bangsa :

Penubuhan negara bangsa pada abad ke-16 Masehi juga turut menggalakkan perkembangan Kapitalisme.

Raja-raja negara bangsa berperanan dalam menggerak dan mempelopori perkembangan Kapitalisme dengan mengumpulkan kekayaan demi untuk mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan masing-masing.

Untuk mencapai hasrat tersebut, raja-raja negara bangsa turut menjalankan dasar ekonomi merkantilisme dengan tujuan mengumpulkan kekayaan untuk negara mereka pada sekitar abad ke-16 dan 17 Masehi.

Perubahan dasar ekonomi ini menyebabkan negara-negara bangsa terlibat dengan aktiviti penjelajahan dan penerokaan. Mereka berlumba-lumba untuk mencari kekayaan dengan melakukan pelayaran ke seberang laut dengan sokongan kuat daripada raja. Contoh : Putera Henry dari Portugal dan Raja Ferdinand dari Sepanyol telah membiayai dan memberi galakan kepada aktiviti tersebut.

Kegiatan penjelajahan dan penerokaan ini dipelopori oleh Portugal, Sepanyol, Perancis dan Inggeris.

Kesan daripada aktiviti ini, negara-negara bangsa menubuhkan koloni-koloni dan menguasai kekayaan ekonomi di negara tanah jajahan yang memberi keuntungan kepada mereka.

3. Dasar Merkantilisme :

Revolusi perdagangan melalui campurtangan kerajaan negara bangsa pada abad ke-16 dan ke-17 telah menggalakkan pertumbuhan kekayaan dalam negara bangsa.

Menerusi dasar ini kerajaan berusaha mewujudkan sektor pertanian dan perindustrian yang produktif dan pasaran luar yang luas .

Untuk tujuan tersebut kerajaan mengadakan dasar melindungi pelabur dan pedagang tempatan

Ratu Elizabeth (1558-1603) telah memperkenalkan akta seperti akta perantis 1563, undang-undang kemiskinan 1600 dan akta perkapalan 1650 .

4. Pembukaan koloni / Dasar Kolonialisme :

Perluasan dasar merkantilisme telah menyebabkan golongan kapitalis menubuhkan koloni-koloni baru untuk tujuan pertanian dan perladangan ke atas kawasan di Timur dan Amerika Latin.

Hal ini memperluaskan lagi sistem ekonomi kapitalisme. Perkembangan ini menyebabkan permintaan untuk buruh meningkat dengan mendadak.

Kesannya telah membawa kepada penghijrahan manusia dari pelbagai tempat untuk bekerja sebagai buruh ke kawasan-kawasan pertanian dan perladangan tersebut.

Penggunaan buruh asing telah mengembangkan ekonomi negara Eropah dan merencanakan sistem Kapitalisme di koloni-koloni tersebut.

Segala hasil kekayaan daripada koloni juga mengalir ke Eropah dan merencanakan perkembangan ekonomi di sana.

5. Pertembungan dan perkembangan perdagangan dengan dunia timur :

Perang Salib telah mengakibatkan berlakunya pertembungan dunia Eropah dengan dunia timur.

Selepas tamat Perang Salib, hubungan perdagangan antara Eropah dengan dunia timur terus berkembang dengan pesat.

Kesan daripada itu, bandar-bandar utama di Itali seperti Venice, Genoa, Florence dan Milan telah menjadi pusat-pusat aktiviti perdagangan yang penting.

Bandar-bandar tersebut mendapat keuntungan yang besar hasil daripada hubungan perdagangan dengan Timur Tengah dan Eropah Utara.

Perkembangan pesat dalam aktiviti perdagangan menyebabkan institusi perbankan khususnya bank-bank gereja ditubuhkan di Itali.

Perkembangan ini merangsangkan perkembangan ekonomi kapitalisme di Eropah.

6. Kemunculan bandar-bandar baru :

Zaman kemuncak pertengahan memperlihatkan pertumbuhan bandar-bandar baru hasil daripada kepesatan aktiviti perdagangan di sepanjang laluan perdagangan Eropah Barat.

Kepesatan perdagangan ini telah memperkembangkan bandar-bandar lama yang sedia ada dan turut melahirkan bandar-bandar baru.

Bandar-bandar seperti Venice, Genoa, Florence dan Milan menjalinkan hubungan perdagangan dengan Timur Tengah dan Eropah Utara.

Bandar-bandar ini mengeksploit kedudukan sebagai persimpangan semulajadi antara timur-barat untuk meraih keuntungan yang besar.

Perkembangan bandar-bandar baru melahirkan golongan baru dalam masyarakat feudal, iaitu pedagang dan tukang-tukang yang bergantung kepada aktiviti perdagangan.

Cara kehidupan di bandar telah merintis jalan kepada tuntutan rakyat bandar termasuk hak pentadbiran dan hak menjual barangan secara bebas di pasar.

Masyarakat bandar juga menuntut kebebasan untuk mencari nafkah tanpa sekatan dan halangan yang tidak berasas yang diamalkan dalam institusi manor.

Perubahan ini telah merintis jalan ke arah perkembangan sistem kapitalisme di Eropah.

7. Gerakan Renaisans :

Gerakan Renaissans pada abad ke-14M telah memperkembangkan sistem kapitalisme

Gerakan Renaissans telah melahirkan fahaman yang berbeza daripada sebelumnya seperti sifat individualisme, humanisme, sekularisme dan pemikiran kritis yang meransang ke arah perkembangan sistem kapitalisme. Kesannya, fahaman-fahaman ini melahirkan masyarakat yang bersifat materialistik dalam kehidupan khususnya dalam ekonomi yang menekankan aspek kemewahan, kekayaan dan kebendaan.

Selain itu, fahaman-fahaman ini juga menggalakkan individu membaiki taraf hidup dan mengumpul kekayaan mengatasi kemampuannya.

Perkembangan ini melahirkan golongan kapitalis yang berlumba-lumba mengumpul modal untuk mengejar kekayaan material yang turut menggalakkan sistem monopoli.

8. Kesan Gerakan Reformasi :

Ahli-ahli sosiologi seperti Max Weber berpendapat perkembangan kapitalisme dapat dikaitkan dengan kesan dari kemunculan gerakan reformasi khususnya selepas kemunculan mazhab Protestan. Max Weber dalam bukunya *The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism* menyatakan bahawa ajaran mazhab Protestan bertanggungjawab membentuk sistem kapitalis. Salah satu doktrin mazhab Protestan yang dikenali sebagai *The Calling* menyeru penganutnya agar melibatkan diri secara bersungguh-sungguh dalam kegiatan ekonomi. Hal ini bermakna, ajaran mazhab ini menggalakkan penganutnya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari kekayaan dan keuntungan. Ajaran ini mentakrifkan kejayaan dalam bidang ekonomi sebagai satu tuntutan keagamaan. Kebanyakan golongan yang terlibat dalam ekonomi di Eropah seperti pengusaha bank, pengusaha industri, saudagar-saudagar dan tenaga mahir adalah daripada kalangan penganut mazhab Protestan.

9. Fahaman Calvinisme :

Gerakan Reformasi yang dibawa oleh John Calvin dalam pemikiran agama Kristian di Eropah telah mendorong kepada perkembangan ekonomi kapitalisme. Ajaran Calvin membenarkan amalan riba dengan tujuan menggalakkan masyarakat bekerja keras. Fahaman ini menyebabkan negara mazhab Protestan mengenyahkan *Common Law* dan membolehkan pedagang membebaskan diri daripada kawalan paderi dan peraturan lama dalam ajaran Katholik.

D. Kesimpulan : [2M]

Sistem ekonomi kapitalisme diperkenalkan oleh masyarakat pada zaman awal moden telah membawa kepada perkembangan ekonomi kapitalisme. Hal ini secara tidak langsung telah melahirkan Revolusi Perindustrian di Eropah.

Revolusi perindustrian bermula selepas gerakan Renaisans dan Reformasi.

Revolusi perindustrian mendorong pelayar-pelayar mencari peluang-peluang baru untuk menguasai kekayaan dan menyaksikan perubahan pesat dalam kaedah pengeluaran barangan melalui pembinaan kilang-kilang dan pengeluaran barang-barang secara besar-besaran. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan aktiviti pengumpulan modal secara besar-besaran untuk kegiatan ekonomi yang selaras dengan dasar kapitalisme

7. Nilaiikan sumbangan Laksamana Cheng Ho dalam perkembangan tamadun manusia. [25M]

1. Pendahuluan (3 m)

b. Latar belakang Cheng Ho: Cheng Ho adalah seorang Muslim yang menjadi orang kepercayaan Maharaja Yung Lo dari China (berkuasa tahun 1403-1424) dari Dinasti Ming.

Lahir sekitar tahun 1370 Masehi dan meninggal pada tahun 1432. Cheng Ho yang nama asalnya adalah Ma He – dalam Bahasa Arab adalah Muhammad Siddiq – lahir dari keluarga

Cina Muslim kebanyakan di Provinsi Yunnan.

c. Ketika pasukan Ming menakluki Yunnan, Cheng Ho ditangkap dan kemudian dikembirikan

untuk menjadi sida-sida raja (hamba raja).

d. Pada Zaman Dinsti Ming, Cheng Ho ditugaskan sebagai Laksamana dengan misinya melakukan pelayaran ke negara di Selatan dan Barat.

e. Cheng Ho melakukan tujuh ekspedisi pelayaran ke berbagai daerah di Asia dan Afrika,

antara lain:Vietnam, Taiwan, Melaka, Sumatera, Jawa, Sri Lanka, India bahagian Selatan,

Persia, Teluk Persia, Arab, Laut Merah, ke utara hingga Mesir, Afrika, ke selatan hingga Selat Mozambique

B. Isi-isi Jawapan (5 isi x 4 m = 20 m)

1. Sumbangan dalam pelayaran

- Peta-peta pelayaran Cheng Ho sangat berguna untuk pelayaran ke negara-negara Asia dan Afrika.

- Peta pelayaran itu 20 halaman dan mengandungi gambar-gambar laluan pelayaran Cheng Ho yang bertolak dari Nanjing ke pelbagai kawasan, pulau dan kota di negaranegara Asia dan Afrika.

- Peta tersebut bukan sahaja merupakan peta dunia yang paling terperinci tentang Asia dan Afrika di China pada abad ke-15, tetapi juga peta pelayaran ke Asia dan Afrika yang paling awal terdapat di China. Sebagaimana diketahui Dao Yi Zhi Lue (Catatan tentang Pulau-pulau di Luar Negeri) yang ditulis oleh Wang Dayuan pada tahun 1349 telah menyimpulkan pengetahuan orang China tentang negara-negara seberang laut sejak Dinasti Tang (608-907) dan Dinasti Song (960-1279). Namun jumlah nama tempat asing yang tercatat dalam Dao Yi Zhi Lue tersebut hanya 1/3 daripada yang ada pada Peta Pelayaran Cheng Ho.

2. Sumbangan dalam perdagangan antarabangsa

- Menurut catatan buku sejarah China, barang yang dibawa ke Samudera Barat oleh armada Cheng Ho termasuk kain sutera, tembikar, emas, perak, gangsa, alatan besi untuk kegunaan sembahyang atau memasak, beras, kapur barus dan buku.

Sehinggakan sebahagian genting istana negeri asing juga merupakan barangan yang dibawa oleh Cheng Ho.

- Barangan yang dibawa pulang oleh armada Cheng Ho ke China termasuk mutiara, intan, gading, singa, zirafah, rempah ratus seperti cengkih, kemenyan, tanduk-tanduk haiwan liar Afrika, wangi-wangian, pelbagai jenis kain dan kayu.

- Di samping itu, pada zaman Dinasti Ming terdapat banyak rempah ratus yang dibawa dari Melaka, Johor dan Pahang ke China.

3. Sumbangan dalam penyebaran Islam

- Dari tahun 1405 ke 1433, selama tujuh ekspedisinya, banyak catatan dan cerita di negara-negara Asia Tenggara yang menggambarkan secara jelas bahwa Cheng Ho memang membantu penyebaran Islam di sana.

- Robert Morrison (1782-1843), seorang misionaris Inggeris, mengatakan, “Di antara pulau pulau di Asia Tenggara, Jawa adalah yang paling kaya. Di tahun 1405, seorang penyar Islam (Cheng Ho) memimpin tentaranya untuk memaksa penduduk setempat untuk meninggalkan pemujaan berhala dan masuk ke dalam agama Islam.” Ini menjelaskan bahawa pada awal abad 15, Cheng Ho benar-benar menyebarkan Islam di Jawa. Bagaimanapun kenyataan bahawa Cheng Ho menggunakan kekerasan untuk mengubah kepercayaan masyarakat tempatan kepada Islam adalah menyalahi kebenaran sejarah kerana sehingga abad ini tidak ada artikel ataupun buku yang mencatat kejadian kekerasan seperti yang dikatakan oleh Robert Morrison.

4. Sumbangan dalam membentuk hubungan diplomatik

- Laksamana Cheng Ho telah meletakkan landasan sejarah dalam hubungan diplomatik China-Nusantara. Banyak contoh yang membuktikan bahawa kedatangan Laksamana Cheng Ho dengan armadanya semata-mata untuk menyebarkan benih persahabatan, Buktinya, setelah kedatangan Cheng Ho Melaka, hubungan diplomatik dan berbalas utusan hadiah antara Melaka – China telah diwujudkan.

5. Sumbangan dalam mengwujudkan keamanan

- Memberantas lanun di Laut China Selatan demi melancarkan hubungan dan perniagaan antara China dengan Nusantara. Pada masa awal Dinasti Ming, Laut China Selatan tidak aman, sering diganggu oleh lanun. Di antaranya yang paling ganas adalah lanun-lanun yang bemarkas di di Palembang pimpinan Chen Zu Yi. Pada tahun 1407 armada Laksamana Cheng He berhasil membasminya.

6. Memberikan jaminan keselamatan

- Membina perdamaian dan keadilan untuk menstabilkan situasi di kawasan Asia Tenggara. Maharaja Ming menganggap dirinya sebagai “Maharaja Sejagat” yang berkewajiban membela perdamaian dan keadilan antarbangsa, maka ketika terjadi persengketaan, negara yang berkaitan lebih suka mencari bantuan dari Maharaja Ming untuk mendamaikannya. China pun selalu membela perdamaian dan keadilan dengan berdiri di pihak yang lemah dan yang dcederakan, berusaha menyelesaikan persengketaan dengan jalan damai tanpa menggunakan kekerasan. Dalam hal ini Cheng Ho telah menggunakan kedudukannya untuk memberikan jaminan keselamatan kepada kerajaan-kerajaan kecil daripada pencerobohan kerajaan besar seperti jaminan keselamatan yang diterima Melaka.. Cheng Ho sendiri telah memberikan amaran kepada siam supaya tidak mengganggu kesultanan Melaka.

C. Kesimpulan:

Apa sahaja yang berkaitan

8. **Bandingkan corak pemerintahan negara kota Athens bermula pada tahun 495 S.M dengan negara Kota Madinah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.** [25M]

Pengenalan [4 markah]

Definisi negara kota.

Negara kota boleh ditakrifkan sebagai sebuah negara yang berbentuk kota atau bandar yang memiliki wilayah, rakyat dan pemerintahan yang berdaulat. Pada umumnya negara kota biasanya memiliki wilayah kecil yang luasnya sebesar kota. Oleh itu, Negara kota boleh dianggap sebuah manifestasi awal negara, Menurut Aristotle pula, pembentukan sesebuah masyarakat yang sempurna lahir daripada gabungan tiga institusi iaitu keluarga, bandar dan gabungan beberapa buah kampung yang membentuk kota. Walau bagaimanapun, setiap negara kota mempunyai ciri dan bentuknya yang tersendiri.

1. Latar belakang dan lokasi negara kota Athens

- Athens merupakan salah sebuah negara kota yang terkenal di Yunani.
- Muncul antara tahun 800 – 500 S.M.
- Athens berkembang maju hasil daripada sektor perdagangan.
- Mengalami kepesatan dalam pelbagai bidang khususnya bidang politik dan falsafah antara abad ke 5 S.M dan ke 4 S.M.

2. Latar belakang dan lokasi negara kota Madinah

- Nama asalnya ialah Yathrib yang terletak kira-kira 400 km dari Makkah dan 70 km dari Laut Merah.
- Kawasan kota Madinah merupakan kawasan wadi (lembah) seluas kira-kira 32 kilometer persegi dan mempunyai kawasan pertanian yang subur.
- Terletak di tengah-tengah Tanah Arab dan merupakan jalan perdagangan antara Syam (di bahagian utara) dan Makkah (di bahagian selatan) Tanah Arab.
- Penduduk asal negara kota Madinah ialah kaum Aus, Khazraj, dan kaum pendatang Yahudi.

Isi [5 isi X 4 markah = 20 markah]

Perbandingan corak pemerintahan negara kota Athens dan Madinah :

1. Sistem pemerintahan

Athens:

Terkenal sebagai negara kota pertama yang melaksanakan sistem pemerintahan **demokrasi** melalui tiga buah institusi pemerintahan dalam membuat dasar dan undang-undang.

Madinah:

Sistem pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. bersifat negara Kota dan mengamalkan sistem pemerintahan Islam iaitu agama dan politik tidak dipisahkan. Dalam pentadbiran, baginda melaksanakan konsep musyawarah dalam membuat keputusan.

2. Institusi pemerintahan

Athens:

Mempunyai tiga institusi iaitu Dewan Perhimpunan, Majlis serta Majistret dan Juri.

- Dewan Perhimpunan diwakili oleh semua lelaki dewasa Athens. Tempoh perkhidmatan mereka ialah antara enam bulan hingga setahun. Dewan Perhimpunan bersidang lebih kurang tiga kali sebulan.
- Majlis dibentuk untuk melaksanakan keputusan-keputusan Dewan Perhimpunan. Majlis dianggotai oleh 500 orang ahli yang dipilih melalui undian dan 50 orang mewakili setiap suku.
- Majistret terdiri daripada para pegawai kerajaan. Mereka melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang diputuskan oleh Majlis.
- Juri menjadi pemutus bagi sesuatu kes dan tidak ada peluang bagi tertuduh untuk merayu.

Madinah:

Nabi Muhammad s.a.w telah menubuhkan Majlis Syura yang bertanggungjawab menggubal dasar-dasar pemerintahan negara yang berteraskan Al-Quran dan Hadis. Nabi Muhammad s.a.w sendiri mengetuai majlis syura tersebut. Masjid telah berperanan sebagai pusat pentadbiran.

3. Ketua Negara

Athens:

Raja sebagai pemerintah tertinggi.

Dibantu oleh Konsul atau Majlis yang di lantik oleh Dewan Perhimpunan.

Madinah:

Negara Kota Madinah diketuai oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemerintah tertinggi yang juga merupakan seorang Nabi lagi Rasul.

Baginda tidak mengamalkan pemerintahan secara autokrasi atau berkuasa mutlak.

4. Perundangan

Athens:

Dewan Perhimpunan merupakan badan perundangan yang mempunyai kawalan penuh ke atas pentadbiran dan kehakiman.

Badan ini juga menggubal undang-undang dan dasar negara kota.

Pesalah dihukum berdasarkan undang-undang yang terdapat dalam kanun hukuman Yunani.

Jika kesalahan tidak dinyatakan dalam kanun tersebut, pendakwa raya akan mengemukakan hukuman dan pesalah akan memilih hukumannya sendiri.

Madinah:

Undang-undang negara Kota Madinah berteraskan syariah Islam. Sumber utama undang-undang Islam ialah al – Quran dan Hadis. Terdapat perlembagaan yang dikenali sebagai Piagam Madinah digubal dan mengandungi 47 fasal yang berkait dengan orang Islam dan bukan Islam.

5. Agama dan Kepercayaan

Athens:

Menyembah pelbagai dewa-dewi seperti Tuhan Zeus, Apollo, Athena, dan lain-lain. Tidak mempunyai kitab suci. Lebih berupa ritual (upacara) daripada kepercayaan. Tidak perlu mengamalkan satu peraturan hidup tertentu , tetapi hanya perlu mengamalkan beberapa sifat suci. Tidak ada *priesthood* (paderi) atau ketua agama untuk membuat undang-undang agama atau doktrin. Paderi yang ada hanya semata-mata untuk menjaga kuil, harta dan menjalankan upacara-upacara agama.

Madinah:

Agama yang diamalkan ialah agama Islam yang diajar melalui Rasulullah s.a.w dan kitab suci Al-Quran sebagai panduan. Menolak sama sekali kepercayaan kepada banyak tuhan. Mempercayai Allah sebagai Tuhan yang Esa. Segala aktiviti keagamaan berpusatkan di masjid.

6. Keadilan sosial

Athens:

Hanya warganegara lelaki dewasa yang terlibat dalam politik, bermesyuarat dan bertindak di Dewan Perhimpunan. Walaupun Majlis memberi peluang kepada setiap warganegara menganggotainya, rata-rata mereka yang menguasai Dewan Perhimpunan ialah orang kaya yang dikenali sebagai *Archon*. Golongan tidak bertanah dan hamba tidak dibenarkan menghadiri Dewan Perhimpunan kecuali semasa pemerintahan **Solon**, apabila beliau meminda perlembagaan.

Madinah:

Negara kota Madinah memperkenalkan konsep ukhwhah dan persamaan taraf menggantikan amalan assabiyah yang telah diamalkan pada zaman jahiliah. Rakyat lelaki dan wanita mempunyai hak bersuara dan memberikan pendapat.

7. **Ekonomi**

Athens:

Mengadakan hubungan perdagangan dan perindustrian. Mengabaikan sektor pertanian kerana bentuk muka bumi yang sempit. Antara barangan yang diimport ialah seperti gandum, ikan, daging, garam, buah-buahan dan bahan mentah. Barang-barang eksport termasuklah minyak zaitun, perak, dan batu marmar.

Madinah:

Dalam negara Kota Madinah, Nabi Muhammad s.a.w mengadakan hubungan perdagangan antarabangsa dengan memperkenalkan sistem muamalat Islam.

Amalan riba dan penipuan diharamkan.

Nabi Muhammad s.a.w menyuruh mencari kekayaan dengan cara yang halal lagi baik dan diredhai Allah s.w.t.

Nabi Muhammad melaksanakan keadilan ekonomi dengan merapatkan jurang kekayaan.

Menebus semula tanah-tanah yang tergadai di tangan orang Yahudi.

8. **Hubungan Luar**

Athens:

Hubungan dengan negara kota lain tidak baik.

Sentiasa bersaing antara satu sama lain dan sering berlaku peperangan yang melibatkan soal politik dan sempadan.

Madinah:

Nabi Muhammad s.a.w telah membentuk satu dasar diplomasi dan menjalinkan hubungan yang baik dengan negara luar.

Nabi Muhammad menghantar surat kepada pemerintah-pemerintah Mesir, Habsyah, Yaman dan Rom dengan tujuan pemerintah-pemerintah negara tersebut dapat menerima dakwah Islam.

9. **Ketenteraan.**

Athens:

Peperangan adalah dalam skala kecil-kecilan, bersifat tempatan dan untuk menyelesaikan perbalahan politik sempadan.

Athens seperti negara kota Yunani lain mempertahankan negara kota mereka daripada serangan musuh dan berusaha agar dapat memberi saingan kepada negara-negara kota lain untuk menjadi negara kota yang paling agung.

Madinah:

Nabi Muhammad s.a.w. telah mengasaskan sistem pertahanan Islam yang berlandaskan konsep jihad. Tentera yang berperang tidak bergaji tetap tetapi mendapat ganjaran hasil dari harta ghanimah.

10. **Kehakiman**

Athens:

Kuasa pengadilan terletak di tangan warganegara dalam Dewan Perhimpunan .

Hal-hal kecil diselesaikan dalam mahkamah tempatan tetapi kes besar, jenayah dan sivil akan diselesaikan di mahkamah Athens.

Juri menjadi pemutus bagi sesuatu kes dan pihak yang tertuduh tidak berpeluang untuk merayu.

Pesalah dihukum berdasarkan kanun hukuman Yunani.

Jika kesalahan tidak dinyatakan dalam kanun tersebut, pendakwa raya akan mengemukakan hukuman dan pesalah akan memilih hukumannya sendiri.

Madinah:

Nabi Muhammad s.a.w. menjadi hakim berdasarkan panduan al-Quran dan Hadis.

Terdapat juga hakim yang dilantik di peringkat suku kaum untuk menyelesaikan masalah dalaman kaum tersebut.

Penyelesaian antara kaum akan dirujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. merangkumi semua aspek dari segi sivil mahupun jenayah.

Kesimpulan [2 markah]

Terdapat perbezaan dalam sistem pemerintahan yang diamalkan antara negara kota Athens dan Madinah di bawah Nabi Muhammad s.a.w. Perbezaan itu jelas dapat dilihat dalam aspek sistem pemerintahan, pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sebagainya. Negara kota Athens diperintah hasil pemikiran dan usaha manusia manakala negara kota Madinah diperintah atas konsep tauhid berteraskan al-Quran dan Hadis.

[Nota kaki: Calon perlu jawab dalam bentuk perbandingan isi ke isi dengan menggunakan penanda wacana seperti – manakala/sebaliknya. Jawapan tanpa bandingan atau hanya menyatakan satu penanda wacana bandingan – markah maksimum 8]

Bahagian B

9. Jelaskan konsep manusia mengikut pandangan Islam dan Arab Jahiliah

A. Pengenalan

- Dalam bahasa Latin, manusia dikenali sebagai homo sapiens. Manusia adalah sejenis haiwan yang boleh berfikir dan berkata-kata.
- Akal manusia dibantu oleh pancaindera untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang untuk meningkatkan taraf hidup.
- Al-Quran telah menyebutkan tentang teori kejadian manusia dan fungsi manusia sebenar.

Isi dan Huraian

B. Konsep Manusia Menurut Pandangan Islam [12 M]

1. **Manusia diciptakan oleh Allah SWT** . Alam ini dicipta oleh Allah SWT untuk kegunaan manusia. Manusia telah diamanahkan oleh Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi, iaitu menjadi tuan, pemerintah dan pengguna ke atas segala kejadian di bumi ini.

2. **Al Quran ada menjelaskan asal kejadian manusia** adalah dari keturunan Nabi Adam a.s . Al-Quran menegaskan bahawa Allah menjadikan Nabi Adam a.s daripada tanah pada hari Jumaat.

3. Penciptaan manusia melalui empat peringkat :

- Allah menghimpunkan semua unsur untuk menjadikan Nabi Adam .
- Semua himpunan itu diadun untuk menjadi sejenis tanah kemudian tanah itu dibiarkan kering dan bertukar warnanya.
- Allah mereka bentuk tanah tersebut menjadi manusia dan dikeringkan sekali lagi.
- Kemudian Allah menghembus roh ke rangka Nabi Adam a.s.

4. **Hikmah Allah menjadikan Nabi Adam a.s** daripada pelbagai unsur dalam tanah ialah supaya Nabi Adam dapat menyesuaikan diri dengan keadaan muka bumi.

5. Hanya Nabi Adam saja yang diciptakan Allah secara langsung dari tanah. Manusia lain (kecuali Hawa dan Nabi Isa a.s) dijadikan daripada air mani ibu bapa mereka. Menurut ulama tafsir proses pembentukan bayi di dalam rahim melalui tujuh peringkat iaitu bermula dari Allah menjadikan saripati tanah (nutfah) yang tersimpan di dalam rahim, kemudian membentuk alaqah (tulang) tulang yang dibaluti dengan daging dan akhirnya terbentuklah lembaga lengkap dan ketika itu Allah meniupkan roh kepadaNya. Namun ianya masih tetap sama kerana sebatian yang membentuk air mani dan unsur kehidupan manusia seperti makanan dan minuman berpunca daripada tanah. Walaupun terdiri dari pelbagai puak, asal manusia tetap sama iaitu dari tanah. Oleh itu manusia tidak boleh sombong antara satu sama lain.

Fungsi Manusia

- Allah menganugerahkan manusia akal fikiran supaya manusia berfungsi untuk memerintah dan menjaga alam ini sambil mensyukuri nikmat dan kebesaran Allah SWT.
- Fungsi manusia ialah mengabdikan diri kepada Allah SWT dan menjadi khalifah atas muka bumi. Allah SWT menjadikan alam ini bagi menyempurnakan keperluan manusia yang sentiasa bersyukur kepada-Nya.
- Fungsi manusia juga adalah untuk mentauhidkan, menyembah, patuh dan menyerah diri kepada Allah SWT. Manusia disuruh untuk beriman kepada Allah dalam segala aspek kehidupan.
- Manusia disuruh untuk membuat kebaikan dan menegah kemungkarannya kerana setiap pahala atau dosa akan dibalas pada hari akhirat. Oleh itu manusia hendaklah bertaqwa kepada Allah SWT. Hubungan manusia dengan Allah ditunjukkan melalui Rukun Islam dan Rukun Iman.

C. Konsep manusia menurut Arab Jahiliah [8 Markah]

- Manusia tidak bersifat abadi dan akan terhapus setelah berlakunya kematian dan tidak mempercayai adanya Hari Akhirat dan Hari Pembalasan. Dengan sebab itu kehidupan manusia pada zaman berkenaan penuh dengan kemaksiatan.
- Di samping itu, manusia menurut pandangan Jahiliah lagi menjadikan hawa nafsu sebagai panduan bagi kehidupan mereka di dunia ini. Berjudi, minum arak dan makan riba merupakan jalan rezeki yang mudah utk dilakukan.
- Status mereka bergantung kepada keturunan dan kabilah. Sekiranya kabilah itu kaya, kuat dan berpengaruh maka seseorang anggota kabilah itu dipandang mulia.
- Menghargai dan mendewakan kuasa alam sekeliling
- Mempercayai adanya tuhan tetapi tidak beriman kepada satu tuhan.
- Mereka tidak tahu asal-usul kejadian manusia.
- Mereka melihat manusia dari sudut jasadiah semata-mata.

D. Kesimpulan

Kejadian manusia telah diterangkan dengan jelas dalam al-Quran, begitu juga dengan fungsi manusia. Semua manusia bertanggungjawab untuk mengurus, mengguna, memelihara dan memajukan alam ini. Sesungguhnya kejayaan umat manusia hanya terletak pada agama sejauhmana ia taat pada perintah Allah SWT.

10. Huraikan faktor-faktor yang membawa kepada penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W ke Madinah pada tahun 622 M. [25M]

A. Pendahuluan:

- a. Hijrah berasal dari istilah hajara yang bermaksud pindah. Dalam sejarah Islamiah merujuk kepada perpindahan Nabi Muhammad dan umat Islam dari Mekah ke Madinah pada 622 M.
- b. Dalam konteks lain bermaksud hijrah daripada zaman Jahiliah kepada Islam.
- c. Peristiwa ini merupakan titik tolak kepada perkembangan Islam lebih meluas.
- d. Peringkat awal hijrah secara senyap-senyap tanpa pengetahuan kaum Quraisy.
- e. Peringkat kedua hijrah secara terang-terangan oleh Umar Al Khattab.
- f. Peringkat ketiga bila Nabi Muhammad bersama Abu Bakar berhijrah selepas bersembunyi di Gua Thur seterusnya sampai di Madinah pada 12 Rabiulawal 622 M.

B. ISI-ISI PENTING

Faktor-faktor Penghijrahan [7X3M]

1. Bai'ah Al Aqabah.

Faktor asas yang memulakan hijrah kerana dalam Perjanjian Aqabah 2 terdapat jemputan dari pemimpin Madinah agar Nabi datang menjadi pemimpin mereka. Dalam ikrar itu mereka berjanji untuk berjuang bersama Nabi dan mempertahankan Nabi. Nabi merasakan masanya telah tiba bagi umat Islam untuk keluar dari Mekah.

2. Tekanan yang semakin meningkat di Mekah

Keadaan di Kota Mekah tidak lagi dianggap sebagai kawasan yang sesuai untuk perkembangan Islam kerana setelah 13 tahun baginda berdakwah pelbagai penentangan yang diterima. Suasana di Mekah itu menggambarkan bahawa lama-kelamaan keadaan Islam semakin tertekan. Pelbagai halangan mental dan fizikal dikenakan kepada Nabi dan orang-orang Islam sehingga ancaman bunuh dilakukan.

3. Umat Islam semakin menderita.

Tindakan kaum Quraisy semakin hebat. Penyeksaan keatas golongan hamba semakin berleluasa. Malah Nabi sendiri sering menjadi mangsa penyeksaan mereka. Pada 617 hingga 620 M seluruh umat Islam dan Bani Hashim telah dipulaukan daripada segi sosial, ekonomi dan politik. Mereka dilarang berurusan dengan masyarakat Mekah kecuali musim haji. Umat Islam mengalami penderitaan dan ujian yang sangat getir.

4. Kegagalan seruan ke Taif

Nabi Muhammad dan hambanya iaitu Zaid bin Harithah pernah cuba menyampaikan Islam ke Taif namun dihina dan diejek dan dilontar dengan batu. Pemimpin Bani Thaqif di Taif mempunyai hubungan baik dengan pemimpin Quraisy Mekah. Kegagalan Nabi memberikan gambaran yang pengaruh Quraisy sangat kuat di Taif. Oleh itu Nabi Muhammad perlu mencari destinasi lain.

5. Kejayaan di Habsyah

Sebelum Saidina Umar memeluk Islam umat Islam pernah menuju ke Habsyah untuk berlindung atas saranan Nabi sendiri. Ini kerana Habsyah digelar sebagai bumi kebenaran yang diperintah oleh Raja Najashi yang terkenal adil. Kejayaan ini memberi harapan kepada Nabi bahawa kejayaan yang sama akan dicapai di Madinah. Ini disebabkan masyarakat Habsyah dan Madinah lebih hampir kepada agama langit dan telah biasa dengan soal-soal ketuhanan dosa dan pahala.

6. Kematian dua tokoh.

Pada tahun ke-10 menjadi rasul, Nabi kehilangan 2 orang penyokongnya yang paling setia iaitu isterinya Khadijah dan bapa saudaranya Abu Talib. Kaum Quraisy Mekah menjadi semakin berani untuk bertindak ke atas Nabi. Ini menyebabkan kedudukan Nabi makin terancam dan terdedah kepada tindakan jahat Quraisy.

7. Umat Islam telah ramai di Madinah

Kota Madinah sendiri memang sesuai untuk dijadikan markas gerakan Islam yang baru. Ini ekoran peristiwa Aqabah dimana orang-orang Madinah telah berikrar dengan Nabi dan menyebarkan Islam di kalangan keluarga mereka.

8. Penduduk Madinah lebih mudah menerima Islam

Penduduk Madinah sendiri lebih mudah menerima Islam berbanding penduduk Mekah. Ini kerana mereka lebih hampir dengan agama Samawi. Selain dari itu di Madinah terdapat keluarga Nabi Muhammad melalui pihak ibu kepada datuk Nabi iaitu Abdul Muttalib dari Bani Najjar.

9. Kedudukan Madinah yang strategik

Madinah mempunyai kedudukan ditengah-tengah jalan perdagangan antara Yaman di Selatan dan Syam di utara. Kedudukan ini membolehkan Madinah menyaingi Kota Mekah sebagai pusat perdagangan yang baru. Malah kabilah-kabilah Quraisy terpaksa melalui Madinah jika ingin berurusan dengan Palestin atau Syam.

10. Komplot pembunuhan ke atas Nabi

Antara faktor penghijrahan yang paling penting ialah terdapat pakatan bunuh yang dirancang oleh kaum Quraisy keatas Nabi bila mereka mendapati umat Islam semakin berkurangan di Mekah. Pemimpin Quraisy telah mengadakan perbincangan di Darul Nadwah dan mengambil tindakan nekad agar Nabi tidak sempat berhijrah. Ini menyebabkan kedudukan Nabi tidak lagi selamat sekiranya terus di Mekah

11. Wahyu dari Allah

Faktor segera yang mendorong Nabi berhijrah keluar dari Mekah ialah wahyu yang diturunkan Allah dan Surah al Anfal ayat 30 yang memberi peringatan kepada Nabi tentang pakatan Quraisy dan sebagai satu gesaan supaya Nabi berhijrah.

Kesimpulan: [2M]

Hijrah Nabi adalah satu peristiwa yang mempunyai signifikan (kepentingan) yang sangat besar dalam sejarah perjuangan Islam. Ia jelas telah membawa banyak pembaharuan dalam perkembangan Islam. Ia merupakan titik peralihan yang amat penting bagi Nabi dan agama Islam. Penghijrahan ini membawa kepada kemenangan umat Islam dalam semua bidang.

11. Huraikan kepentingan Piagam Madinah kepada pembangunan masyarakat Madinah.

A. Pengenalan [3M]

- Perlembagaan bertulis yang pertama memenuhi syarat-syarat perlembagaan.
- Digubal oleh Nabi Muhammad SAW dalam usaha menegakkan sebuah kerajaan Islam Madinah.
- Piagam Madinah mempunyai 10 bab yang dipecahkan kepada 47 fasal. 23 fasal berkenaan hubungandalam kalangan orang Islam , manakala 24 fasal berkenaan tanggungjawab orang bukan Islam terhadap Madinah.
- Menonjolkan nama pemimpin iaitu Nabi Muhammad SAW, nama rakyat iaitu penduduk tempatan, yahudi dan orang yang mengikuti dan berjuang bersama Rasulullah serta Madinah sebagai negara Islam.

Isi dan Huraian

Keputusan Piagam Madinah [7X3M]

1. Semua kaum bertanggungjawab mempertahankan Madinah

- Penduduk Madinah harus bersama-sama mempertahankan Madinah tidak kira yang beragama Islam atau bukan Islam.
- Mereka sama-sama menggembeleng tenaga mempertahankan Madinah daripada serangan musuh.
- Mereka tidak boleh mengadakan hubungan dengan musuh-musuh Islam bagi tujuan menentang negara Islam madinah.
- Semangat cinta akan Kota Madinah dipupuk dalam kalangan masyarakat bagi menghindari permusuhan sesama sendiri sehingga menyebabkan musuh dapat mengambil alih kota Madinah.
- Islam menganggap ahli kitab atau orang Yahudi sebaga warganegara dan ummah bersama orang Islam selagi mereka menjalankan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka.
- Perbezaan agama tidak menghalang seseorang itu daripada diterima menjadi rakyat dalam negara.

2. Menjamin kebebasan kaum Yahudi

- Kaum Yahudi pada mulanya memang berminat untuk menguasai Madinah.
- Atas kesedaran itu, Piagam Madinah juga menitikberatkan dan menjamin kebebasan kaum Yahudi dan penganut-penganut agama lain untuk menganut dan mengamalkan ibadat agama mereka sendiri.
- Tujuannya supaya kaum Yahudi tidak menyebarkan agama mereka di Madinah dan mengelakkan permusuhan sesama sendiri.
- Rasulullah mempersetujui bahawa tiada paksaan dalam kepercayaan dan anutan agama.

3. Terbentuk sebuah kerajaan Islam yang kuat dan kukuh

- Orang Islam bebas berhimpun dan bermesyuarat bagi membincangkan masalah politik dan pentadbiran negara.
- Dengan terbentuknya Piagam Madinah, sebuah negara Islam telah berjaya dibentuk dan mewujudkan kesedaran bahawa mereka ialah masyarakat yang kuat dan bersatu padu serta Madinah adalah milik bersama.
- Piagam Madinah mengakui hak dan tanggungjawab penduduk Madinah termasuk orang bukan Islam untuk mendapat perlindungan dan keselamatan dari segi pengadilan dan perundangan.
- Mereka mempunyai kewajiban bersama untuk mempertahankan negara dan perbelanjaan bagi mempertahankan negara adalah tanggungjawab bersama.

4. Kebebasan kepada setiap penduduk

- Setiap penduduk diberi kebebasan hak asasi yang sama rata.
- Tiada lagi penindasan seperti yang dilakukan oleh orang Yahudi ke atas orang yang lemah supaya dapat menjamin keharmonian hidup semua penduduk Madinah.
- Kebebasan ini meliputi kebebasan diri, agama, berfikir dan bersuara, beramal, bekerja dsb.
- Jaminan kebebasan meliputi segi aspek kehidupan selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.

5. Menyatupadukan masyarakat Madinah

- Hubungan baik dapat diadakan dengan masyarakat Islam dan orang-orang bukan Islam melalui sifat saling menghormati, bertanggungjawab dsb.
- Perlembagaan Madinah memainkan peranan supaya masyarakat berbilang bangsa di Madinah dapat hidup aman damai, teratur dan bersistem serta menghindari permusuhan.
- Perlembagaan Madinah telah mengalami perubahan dan perkembangan dari segi nilai tradisi Jahiliyah yang mementingkan maruah diri dan kaum masing-masing kepada nilai-nilai persaudaraan Islam.

6. Nabi Muhammad sebagai pemerintah tertinggi dan unggul di Madinah

- Nabi Muhammad merupakan seorang negarawan yang tulen dan berwibawa.
- Ketokohan baginda yang cuba menonjolkan agama Islam bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek akidah tetapi juga dalam hal ehwal duniawi.
- Baginda bertanggungjawab menyelesaikan masalah perselisihan kaum dan mewujudkan satu institusi kebaikan dan keadilan di Madinah.
- Peruntukan dalam fasal 23 dan 42 Piagam Madinah menjelaskan bahawa apabila timbulnya perbezaan dan pertelingkahan, maka penyelesaian mengikut hukum Islam dan keputusan Rasulullah dibuat.
- Perlembagaan ini meletakkan kedudukan baginda sebagai ketua dan hakim negara yang tinggi.

7. Dapat mengatur hubungan kaum Yahudi

- Masyarakat Yahudi bebas mengamalkan adat istiadat mereka tanpa sekatan.
- Mereka tidak boleh memaksa orang Madinah untuk menganut agama mereka kerana kebebasan telah diberikan kepada mereka.
- Mereka tidak dibenarkan menindas orang yang lemah.
- Mereka yang mematuhi piagam ini akan diberi jaminan iaitu perlindungan dan keselamatan selagi mereka tidak melakukan kejahatan dan memungkiri janji.

8. Konsep persamaan dan keadilan kepada semua penduduk

- Tujuannya untuk mengelakkan jurang perbezaan dan penindasan.
- Piagam Madinah meratakan kekayaan antara masyarakat bagi mengelakkan penindasan golongan kaya ke atas golongan miskin.
- Keadilan merupakan tanggungjawab setiap orang untuk melaksanakan dengan penuh kejujuran dan syiar agama langit – supaya individu akan berasa aman dan tenteram kerana telah memberi jaminan dan keselamatan kepada akal, diri, harta benda, agama dan keturunan manusia.
- Tujuan keadilan – menolak dan menghindarkan keburukan dan memberi kebaikan serta hak kepada seseorang berdasarkan syariat Islam.
- Piagam Madinah mengingatkan warganya supaya berlaku adil dan tidak menganiayai manusia bahkan hendaklah sentiasa tolong menolong dan setiap kezaliman hendaklah dihapuskan seperti yang termaktub dalam fasal 13 piagam tersebut.

9. Perpaduan umat Islam

- Penduduk Madinah diseru agar saling bekerjasama dan bersatu padu memandangkan umat Islam di Madinah terbahagi kepada dua kumpulan utama, iaitu golongan Ansar dan golongan Muhajirin.
- Untuk menyatupadukan mereka, penduduk Madinah diasuh menjadi satu kumpulan yang kuat dan utuh bagi mengelakkan musuh mengambil kesempatan ke atas perpecahan mereka.
- Persaudaraan Islam bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan hubungan persahabatan sesama Islam tanpa mengira keturunan, tempat tinggal dan warna kulit.
- Persaudaraan Islam adalah suatu sikap dan tindakan yang lahir daripada jiwa dan hati manusia yang diikat dengan akidah keimanan kepada Allah dan rasul-Nya.
- Persaudaraan ini dapat melahirkan masyarakat Islam yang sebenar, kukuh dan padu, mempunyai kefahaman dan kerjasama yang erat serta cinta akan kedamaian dan kesejahteraan hidup.

10. Pemerintahan bercorak musyawarah

- Semua kaum berhak untuk menyuarakan masalah kaum mereka.
- Semua kaum boleh mengemukakan pendapat kerana Piagam Madinah melahirkan pemerintahan yang berpegang teguh kepada prinsip yang dipanggil musyawarah.

- Contohnya, Nabi Muhammad pernah ditegur oleh sahabat semasa pemilihan tempat dalam Perang Badar.
- Sifat demikian akan mengeratkan lagi hubungan antara pemerintah dan rakyat.

C. Kesimpulan:[2M]

Apa sahaja berkaitan

12. Huraikan aspek kepimpinan Nabi Muhammad SAW dalam bidang ketenteraan dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. [25M]

A. Pendahuluan [3 markah]

Kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w merupakan contoh utama (uswah hasanah) kepada kepimpinan tentera Islam. Ahli-ahli sejarah membahagikan peperangan yang berlaku pada zaman Baginda kepada dua iaitu ghazwah dan sariyyah. Ghawah merujuk kepada peperangan yang disertai oleh Nabi Muhammad s.a.w, manakala sariyyah merujuk kepada peperangan yang tidak disertai oleh Baginda pada zaman tersebut. Terdapat 28 ghawah dan 47 Sariyyah sepanjang Nabi Muhammad s.a.w mengetuai Negara Islam Madinah.

Latar belakang Nabi Muhammad s.a.w

B. Isi (7 isi X 3 markah)

1. Menunjukkan contoh kepemimpinan yang terpuji

Baginda berjuang kerana Allah SWT dan tidak takut berhadapan dengan tentera musuh yang lebih ramai. Dalam Perang Badar tentera artaIslam yang berjumlah 310 orang berjaya mengalahkan tentera musuh yang berjumlah 1000 orang. Kepemimpinan Baginda juga menarik hati musuh untuk memeluk Islam.

Walaupun berusia 50-an, baginda memimpin sendiri peperangan yang penting seperti Perang Badar, Perang Uhud dan Perang Khandak.

2. Memiliki akhlak yang mulia dan terpuji

Baginda tidak bersikap zalim terhadap musuh. Tawanan Perang Badar diberi peluang untuk menebus diri mereka sekira membayar antara 1000 hingga 4000 dirham, manakala tawanan perang yang miskin dikehendaki mengajar 10 kanak-kanak muslim sebelum dibebaskan. Langkah ini telah menarik hati musuh untuk memeluk Islam.

Dalam peperangan di Hunayn dan Taif, Baginda menunjukkan peri kemanusiaan dengan memulangkan semula harta rampasan perang kepunyaan musuh. Langkah ini telah menyebabkan musuh terbuka hati untuk memeluk Islam seperti Malik bin Auf.

3. Mengamalkan etika perang yang berperai kemanusiaan

Tentera Islam berperang berpandukan syariat yang ditetapkan. Antaranya tidak memerangi golongan yang lemah, orang tua, wanita dan kanak-kanak, orang yang tidak bersenjata, tidak memusnahkan harta benda seperti bangunan dan tanaman. Dalam Perang Taif tentera Islam membiarkan musuh lari meninggalkan medan perang.

Nabi Muhammad s.a.w meneruskan tradisi tidak berperang pada musim haji

4. Mengamalkan prinsip musywarah

Nabi Muhammad s.a.w akan berbincang dengan para sahabat dalam memutuskan strategi terbaik menghadapi tentera musuh. Dalam Perang Khandak, Baginda menerima pakai cadangan Salman al-Farisi untuk menggali parit di sekeliling Kota Madinah.

5. Bijak merancang taktik dan strategi

Kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w merancang taktik dan strategi dalam menghadapi tentera musuh menyebabkan kebanyakan peperangan dimenangi oleh tentera Islam. Dalam Perang Badar, tentera Islam menggunakan taktik menunggu musuh menyerang terlebih dahulu dan menguasai kawasan sumber air sehingga tentera musyrikin tidak mempunyai kekuatan kerana terlalu dahaga. Dalam Perang Khandak pula, tentera Islam mempertahankan Kota Madinah dengan menggunakan taktik menggali parit mengelilingi kota itu sehingga menyukarkan musuh menyerang kota tersebut.

6. Menanam konsep jihad dalam tentera Islam

Konsep jihad digunakan untuk mempertahankan agama Islam, maruah diri dan negara yang sekaligus membawa kepada perkembangan agama Islam. Semangat ini menjadi daya pendorong dan iltizam kepada tentera Islam dalam menghadapi musuh. Semangat ini menuntut supaya tentera Islam melawan musuh yang bilangannya besar tanpa rasa takut dan gentar. Melalui konsep jihad anasir yang mengancam keselamatan negara dapat dihindarkan. Misalnya pada zaman Nabi golongan Yahudi yang mencabuli Perlembagaan Madinah telah diusirkan.

7. Memiliki sifat kepahlawanan

Sifat inilah yang menjadi contoh kepada para sahabat seperti Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab dan Ali Abi Talib. Dalam Perang Uhud, Nabi Muhammad s.a.w sendiri mengetuai peperangan sehingga baginda cedera dan nyaris-nyaris terbunuh.

8. Berpegang kepada nilai amanah

Baginda turut mengamalkan sifat amanah. Sifat ini memang sudah sebatian dan mendapat gelaran al-Amin (beramanah). Sifat amanah ini juga ditunjukkan oleh baginda pada ketika memimpin ekstraparadisi ketenteraan. Dalam semua ekspedisi yang dipimpinya, Baginda telah melaksanakan amanah Allah (swt) dan juga amanah umat Islam seluruhnya bagi memimpin tentera untuk mencapai kejayaan di medan peperangan. Andainya tentera Islam tewas, seperti yang berlaku dalam perang Uhud pada tahun ke-3H, baginda tetap tidak berganjak. Kekalahan ini juga tidak melemahkan semangatnya untuk meneruskan perjuangan menghadapi musuh.

9. Berakidah

Tidak gentar berhadapan dengan musuh kerana yakin perjuangan Baginda adalah kerana Allah S.W.T. Mati kerana berjihad dijanjikan syurga.

C. Kesimpulan [2M]

Apa sahaja yang berkaitan

13. Terangkan pelaksanaan zakat dan kepentingannya pada Zaman Kerajaan Bani Abassiyah

A. Pendahuluan : [3 Markah]

- Zakat merupakan salah satu amalan yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam
- Zakat mula difardhukan pada tahun ke-2 hijrah setelah nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Madinah.
- Setelah kerajaan Bani Abbasiyah mengambil alih pemerintahan Islam daripada kerajaan Bani Umayyah pada tahun 132H, khalifahnyanya masih meneruskan malah mengukuhkan lagi dasar dan pelaksanaan zakat.

B. Isi-isi Penting :

Pelaksanaan Zakat pada Zaman Bani Abbasiyah : [7 x 2M]

- Pelaksanaan zakat pada zaman ini terbahagi kepada dua, iaitu zakat fitrah dan zakat harta.
- Zakat fitrah wajib ditunaikan setelah selesai mengerjakan ibadah puasa pada bulan ramadhan.
- Zakat harta ialah zakat harta benda seperti, binatang ternakan, emas dan perak, barang perdagangan dan bijirin.

Zakat Fitrah Menurut Mazhab Syafie :

- Menurut mazhab Syafie zakat fitrah harus ditunaikan sebelum solat aidilfitri kerana jika diberikan selepasnya ia dianggap sedekah biasa.
- Zakat ini harus diberi kepada hamba atau orang merdeka tidak dikira jantina yang memerlukan berdasarkan hadis nabi Muhammad s.a.w. :
- *Rasulullah mewajibkan zakat fitrah di bulan Ramadhan sebanyak sa' kurma/ sa' gandum bagi hamba sahaya dan orang merdeka, baik lelaki mahupun perempuan dan baik kanak-kanak mahupun orang dewasa. (Bukhari dan Muslim)*

Zakat Harta :

- Pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyah harta benda yang wajib dikeluarkan zakat ialah, ternakan, emas dan perak, barang perniagaan dan biji-bijian seperti beras, gandum, barli dan lain-lain.

Zakat Hasil Ternakan :

- Antara binatang ternakan yang wajib ditunaikan zakat ialah unta, lembu, dan kambing, yang merupakan hasil pendapatan pada masa itu.
- Syarat wajib zakat ternakan ialah cukup haul dan cukup nisab.
- Binatang ini mestilah ditenak di padang rumput yang bebas dan binatang tersebut mestilah tidak digunakan untuk bekerja.
- Kadar zakatnya adalah sama seperti yang dikenakan oleh kerajaan Bani Umayyah.

Zakat Emas dan Perak :

Zakat emas dan perak wajib ditunaikan sekiranya mencapai syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu:

- Cukup nisab – 5 dirham daripada 200 dirham bagi perak yang telah disepuh. Manakala bagi emas pula nisabnya 20 dinar (96 gram emas).
- Cukup haul – cukup setahun.
- Milik sempurna – barang yang diamanahkan, dipinjam, perhiasan wanita dan harta rampasan tidak wajib dizakatkan.
-

Zakat Barang Perdagangan :

- Zakat perdagangan yang diamalkan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w telah diteruskan hingga zaman ini. Cara pengeluaran zakat perniagaan seperti berikut:
- Apabila sudah cukuphaul, seorang peniaga hendaklah menggabungkan semua hartanya iaitu modal, keuntungan, simpanan, serta hutang yang dijangka dapat dipungut.
- Seterusnya dia memeriksa barang perniagaan dan menilai barang-barang tersebut, lalu dicampurkan dengan wang dan hutang dan kemudian mengeluarkan zakat sebanyak 2.5%.

Zakat Pertanian :

Biji-bijian seperti padi, gandum dan lain-lain wajib dikeluarkan zakat. Antara syarat wajib zakat pertanian ialah:

- Islam
- Mengetahui hukum wajib mengeluarkan zakat
- Tanah pertanian yang diusahakan itu hendaklah daripada jenis tanah yang dikenakan cukai usyur iaitu tanah milik sendiri. Jika tanah itu tanah kharaj iaitu tanah rampasan perang, maka tidak wajib dikeluarkan zakat.
- Kadar zakatnya ialah 1/10 jika disirami air hujan dan 1/20 jika diusahakan sendiri dengan alat penyiram.

C. Kepentingan zakat pada zaman kerajaan Bani Abassiyah : [6 markah]

- Dapat mengeratkan hubungan atau tali persaudaraan antara umat Islam khususnya antara golongan kaya dan miskin. Mereka yang kurang bernasib baik akan dapat menjalani kehidupan lebih sempurna dan menguatkan perpaduan ummah.
- Dapat membersihkan jiwa dan rohani manusia yang kotor. Terhapusnya sifat ini akan melahirkan masyarakat yang lebih aman dan bahagia.
- Medan ujian bagi golongan yang kaya seterusnya meningkatkan *Qana'ah* yang membendung mereka dikuasai hawa nafsu dan kemahuan yang tidak terbatas.
- Mewujudkan suasana harmoni antara golongan berada dan miskin serta mendekatkan jurang sosial antara mereka.
- Membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan harta lain yang sememangnya bukan hak individu tersebut.
- Membawa kepada perkembangan intelektual yang pesat pada zaman kerajaan Abassiyah.

D. Kesimpulan : [2 Markah]

Zakat merupakan sumber pendapatan yang amat penting kepada negara dan masyarakat Islam kerana zakat bukan sahaja dapat mewujudkan suasana yang muhibbah tetapi dapat meningkatkan ketaqwaan seseorang terhadap Allah.

14. Bincangkan perkembangan sistem pendidikan Islam di Aceh sebelum abad ke- 18 Masihi. [25M]

A. Pengenalan

1. Selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511, Aceh mengambil alih peranan Melaka sebagai pusat perdagangan di Alam Melayu.
2. Aceh turut memainkan peranan sebagai pusat pengajian agama Islam yang utama di Nusantara.
3. Institusi pendidikan Islam di Aceh merupakan institusi yang tersusun dan terancang.
4. Pendidikan asas bermula di Madrasah atau Meunasah, diikuti dengan pendidikan menengah di Rangkang dan seterusnya pendidikan tinggi dijalankan di Ballee.
5. Pengajian Islam berkembang dengan pesat merangkumi tugas bahasa, iaitu fiqh, usuluddin dan tasawuf.
6. Pendidikan di Aceh terbahagi kepada lima peringkat:-

i. Pendidikan dasar – madrasah

ii. Pendidikan menengah – rangkang

iii. Pendidikan tinggi di Ballee

iv. Kumpulan beberapa Rangkang Ballee – melahirkan dayah

v. Pendidikan yang dijalankan di masjid seperti Masjid Baiturahman, Baiturahim dan Bait Mushadah.

Isi Penting (5 isi X 4 markah = 20 markah)

1. Madrasah atau Meunasah

- Merupakan institusi pendidikan permulaan yang biasanya didirikan di setiap kampung.
- Para pelajar diajar membaca al-Quran, membaca dan menulis huruf Arab dan belajar perkara-perkara asas dalam Islam.
- Selain itu, pelajar turut mempelajari ilmu fardu ain seperti Rukun Iman, Rukun Islam, fekah, ibadat dan akhlak.
- Para pelajar juga dilatih bernasyid yang berhubung dengan agama iaitu dinakan dike (zikir) atau seulaweut (salawat) pada setiap malam Jumaat.
- Anak-anak yang khatam al-Quran diajar beberapa kitab agama yang ditulis dalam bahasa Jawa dan Aceh seperti Kitab Perukunan dan Risalah Masailal al-Muhtadin.
- Sejarah Islam juga diajar dengan cara bercerita.

2. Masjid

- Berfungsi sebagai pusat pendidikan dan juga pusat kegiatan umat Islam.

- Merupakan pusat pendidikan yang bersangkutan dengan pendidikan menengah pertama.
- Beberapa masjid dinaiktaraf menjadi pusat pendidikan tinggi seperti Masjid Baiturahman.

3. Rangkang

- Untuk melanjutkan pelajaran agama yang lebih tinggi, pelajar akan belajar di rangkang atau disebut juga pondok, pasantren atau madrasah.
- Para pelajar mendirikan pondok-pondok kecil mengelilingi masjid yang dijadikan asrama.
- Terdapat beberapa tahap rangkang yang bergantung kepada tahap ilmu yang dimiliki oleh guru yang mengajar.
- Murid yang pintar pada kebiasaannya berpindah dari satu rangkang ke rangkang yang lain untuk mengikuti pelajaran daripada guru yang lebih mahir.
- Ada antara pelajarnya yang melanjutkan pelajaran ke Makkah, India dan Mesir.
- Rangkang yang terkenal ialah yang terletak di Banda Aceh Barussalam.
- Banyak ulama yang terkenal dari luar negara datang mengajar di situ dan pelajar-pelajarnya juga datang dari pelbagai daerah.
- Mata pelajaran yang diajar ialah Fekah, Ibadat, Tauhid, Tasawuf, Sejarah Islam dan Sejarah Dunia dan juga Bahasa Arab.
- Pelajar menggunakan buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu, selain daripada buku-buku bahasa Arab yang juga banyak digunakan.
- Ilmu umum turut diajar seperti Geografi, Sejarah dan Matematik.

4. Dayah

- Di Aceh, Dayah disamakan dengan Sekolah Menengah Atas di Indonesia atau Madrasah Aliyah.
- Hampir setiap daerah nanggore (negeri) terdapat dayah.
- Terdapat dayah yang berpusat di masjid bersama rangkang tetapi kebanyakan dayah berdiri sendiri di luar lingkungan masjid dengan menyediakan sebuah balai utama iaitu aula yang digunakan sebagai tempat belajar sembahyang.
- Pusat Pengajian Tinggi Dayah Cot Kala merupakan pusat pendidikan Islam tinggi yang pertama yang di Asia yang telah melahirkan banyak ulamak yang menjadi pendakwah Islam di Nusantara.
- Semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Arab dengan menggunakan kitab-kitab dari Arab.
- Dua jenis dayah iaitu dayah bersifat khusus dan dayah bersifat umum.
- Dayah bersifat khusus seperti dayah untuk wanita sahaja, dayah yang khusus untuk mengajar dalam bidang pertanian, ilmu pertukangan, ilmu perniagaan dan sebagainya dengan menurut syariat Islam.
- Antara dayah yang terkenal ialah Dayah Cot Kala, dan Dayah Teungku Chik.
- Mata pelajaran yang diajar di Dayah Teungku Chik ialah bahasa Arab, Fiqh, Jinayat(hukum pidana), Fiqh Munakahat (hukum perkahwinan), Fiqh Duali (hukum tatanegara), Sejarah Islam, sejarah negara-negara, Ilmu Mantik, Tauhid/Filsafat, Tasawuf, Akhlak, Ilmu Falak, Tafsir, Hadis dan sebagainya.
- Menurut Beaulieu (pengembara Perancis) yang pernah mengunjungi Aceh pada abad ke-17, menyatakan bahawa ajaran Islam yang berkembang sejak sekian lama telah dapat membasmi buta huruf dan buta ilmu.

5. Balai Setia Hukama dan Balai Setia Ulama

- Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menubuhkan Lembaga Pelaksana Pendidikan yang terdiri daripada Balai Setia Hukama, Balai Setia Ulama dan Balai Jamaah Himpunan Ulama.
- Balai Setia Hukama - tempat para ulama dan ahli fikir untuk membahaskan perkara-perkara yang menyentuh tentang pendidikan.
- Balai Setia Ulama – menguruskan masalah-masalah yang berkaitan dengan pendidikan.

6. Balai Jamaah Himpunan Ulama

- Merupakan kelab perbincangan bagi para sarjana dan ulama bertukar-tukar pandangan, berseminar, membahaskan masalah pendidikan dan sebagai tempat pengembangan ilmu pengetahuan.

7. Jamiah/Universiti Baiturahman

- Masjid Baiturahman dinaiktaraf menjadi Jamiah/Universiti Baiturahman.
- Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sendiri telah mendirikan Masjid Baiturahman yang digunakan semata-mata untuk dijadikan tempat menuntut ilmu.
- Terdapat 17 dar (fakulti) seperti Fakulti Ilmu Tafsir dan Hadis, Fakulti Ilmu Kedokteran, Fakulti Ilmu Kimia, Fakulti Pertanian, Fakulti Peperangan dan lain-lain lagi.
- Tenaga pendidik terdiri daripada ulama atau sarjana dari Aceh dan juga negara-negara Islam yang lain seperti Arab, Turki, Parsi, India dan lain-lain lagi.
- Pada zaman pemerintahan Sultan Alaidin Muda Darma Wangsa Perkasa Alam Syah (1607 – 1636), terdapat sebanyak 44 orang guru besar di Jamiah Baiturahman (A.Hasjmy).

Kesimpulan

1. Kewujudan institusi ini telah melahirkan golongan ulama dan intelektual Islam seperti Syeikh Shamsuddin al-Sumatrani, Abdul Rauf Singkel, Hamzah Fansuri dll.
2. Kesannya – telah membantu menghebatkan perkembangan Islam di Nusantara.

15. Bandingkan matlamat penjelajahan dan penerokaan antara tamadun Islam dan tamadun Barat. [25M]

Pendahuluan (3 M)

- Sejarah penjelajahan dan penerokaan orang Islam dimulakan oleh orang Arab Selatan yang pernah meneroka dan menguasai Lautan Hindi.
- Manakala orang Barat dimulakan sejak tamadun Rom hasil daripada penciptaan peta dunia.
- Tokoh pelayaran Islam ialah al-Walid bin Abdul Malik, Ibnu Hawkal dan Ibnu Batutah manakala tokoh pelayaran Barat ialah Marco Polo, Christopher Columbus dan Vasco da Gama.

Isi Jawapan (20 markah)

A). Tujuan Penjelajahan Dan Penerokaan Islam. (10 Markah).

1. Mengukuhkan Politik Islam Hingga Disegani.
Contoh perluasan politik Islam zaman Khulafa al-Rasyidin dan Bani Umayyah hingga sebahagian besar Andalusia dikuasai oleh Islam.

2. Kepentingan penyebaran Agama Islam
Usaha para pendakwah untuk menyebarkan Islam ke pelusuk dunia. Contohnya, ke Sumatera, Aceh dan Pasai (Alam Melayu) dan Canton (China).

3. Peningkatan Ilmu Pengetahuan
Islam menyeru umatnya supaya menuntut ilmu. Melalui penjelajahan dan penerokaan dapat menuntut ilmu ke seluruh dunia dan maju dalam pelbagai bidang ilmu seperti astronomi, geografi, matematik, perubatan dan sebagainya.

4. Perkembangan Perdagangan
Melalui penjelajahan dan penerokaan ke China, Eropah dan Alam Melayu, perkembangan ekonomi berlaku dengan barangan dagangan seperti permaidani, batu permata, kain kapas dan sebagainya.

5. Memakmurkan Bumi Allah.
Menjaga kebaikan dan keadilan dengan tuntutan ajaran Islam.

B). Tujuan Penjelajahan Dan Penerokaan Eropah (10 Markah)

1. Penyebaran Agama Kristian
Orang-orang Perancis dan Sepanyol seperti Vasco da Gama telah menyebarkan agama Kristian di Afrika dan Christopher Columbus ke Amerika Selatan.

2. Menambahkan Pengetahuan
- Mengkaji dan menilai perkembangan tamadun di kawasan baru khususnya ilmu pelayaran dan geografi bagi mengetahui teknik pelayaran dan penggunaan kompas bagi pelayaran.

3. Memecahkan Monopoli Perdagangan Orang Islam

- Perdagangan antara Eropah dan Islam telah memaksa orang-orang Eropah membuat penjelajahan dan penerokaan untuk memecahkan monopoli perdagangan Islam. Contohnya, mereka datang ke Alam Melayu untuk memecahkan perdagangan rempah orang-orang Islam

4. Melahirkan Negara Barat Yang Terkemuka dan Disegani.

- Kemenangan dalam peperangan dengan negara yang ditakluki dapat meluaskan jajahan sehingga lahir kuasa yang disegani dan ditakuti.

5. Semangat Mengembara Yang Memotivasikan.

- Hadiah lumayan daripada pemerintah kepada peneroka dan penjelajah untuk meneroka dan menjelajah kaawasan-kawasan baru

6. Mencari Pasaran Baru.

- Perkembangan Revolusi Perindustrian telah mengeluarkan barangan siap yang banyak. Kawasan pemasaran yang baru diperlukan untuk memasarkan barangan tersebut di samping mencari bahan-bahan mentah.

Kesimpulan. (2 Markah)

- Secara umumnya, tujuan penjelajahan dan penerokaan Barat dan Islam adalah untuk peningkatan pengetahuan, penyebaran agama dan perdagangan. Namun begitu, tujuan atau motif penjelajahan dan penerokaan yang berlaku pada abad yang ke 15 M telah semakin meluas meliputi aspek perluasan kuasa, tanah jajahan, perkembangan ideologi politik, pasaran dan sebagainya.

16. Bincangkan perkaitan antara hijrah Nabi Muhammad (S.A.W) ke Madinah dengan sejarah penjelajahan dan kesannya kepada umat Islam. [25M]

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah berlaku pada tahun ke 3 selepas kerasulan baginda, bersamaan 12 September tahun 622Masihi. Peristiwa ini berlaku kerana tentangan hebat yang dihadapi oleh baginda tatkala menyebarkan agama Islam termasuk cubaan untuk membunuh baginda.
2. Peristiwa ini sememangnya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan peristiwa penjajahan dan penerokaan memandangkan ia kesemuanya memenuhi matlamat dan tujuan penjelajahan dan penerokaan umat Islam iaitu pembebasan, pengislaman, dan pengintelektualan. (Pengertian penjelajahan dan penerokaan boleh diterima).
3. Maksud hijrah ialah perpindahan Nabi Muhammad s.a.w dari Kota Mekah ke Kota Madinah.

Hijrah merupakan titik permulaan Tamadun Islam.

Hijrah Nabi s.a.w bukan kerana takut tetapi atas perintah Allah s.a.w.

Hijrah merupakan strategi baru dalam penyebaran Islam>

Kepentingan kepada perkembangan Islam serta permulaan calendar Islam

Isi-isi penting. (7x3 isi = 21 Markah)

1. Kepentingan politik:

Umat Islam bebas menyebarkan dakwah

Memudahkan lagi penyebaran Islam dengan kuasa politik.

berjaya membebaskan masyarakat dari belenggu Rom dan Parsi dan dalam tempoh tidak sampai satu abad umat islam telah berjaya mendirikan sebuah empayar yang besar.

Hijrah Nabi Muhammmad SAW dari kota Makkah ke Madinah boleh dianggap sebagai titik tolak kepada pembinaan dan pembangunan umat islam . Rasulullah dapat menyelesaikan masalah2 yg dihadapi oleh umat Islam baik dari kalangan Muhajirin/Ansar sama ada dari segi politik/ekonomi.

2. Kepentingan ekonomi

Menghapuskan ekonomi barat yang menindas golongan yang lemah.

Mengelakkan monopoli perdagangan bag isatu-satu pihak sahaja.

Ekonomi islam semakin mantap dan kukuh dan berjaya menghapuskan amalan riba dan monopoli dalam sistem perniagaan.

menggalakkan umatnya berusaha dan bekerja untuk mendapat rezeki yang halal

Dengan semangat hijrah Nabi Muhammad telah memberi dorongan dan perangsang kepada umat Islam berhijrah belayar meneroka kawasan-kawasan yang jauh merentasi benua-benua dan lautan samudera, bagi tujuan mencari rezeki bukan sahaja di Tanah Arab bahkan di luar Semenanjung Tanah Arab.

Contohnya ke Negara China,India, Asia Tenggara dan Eropah.

3. Kepentingan Sosial

Masyarakat bebas untuk memeluk Islam tanpa penyiksaan dan gangguan

Hijrah juga dapat menghapuskan sistem kasta yang diamalkan dalam masyarakat.pada zaman Jahiliyah dan diganti dengan nilai murni berasaskan akidah ,syariah dan akhlak

Hidup berpuak-puak diganti dengan hidup sosial yang bersatu padu dalam bentuk ummah.

Pemberian hak dan kebebasan tanpa mengira agama , kaum dan keturunan

4. Kepentingan pelayaran dan geografi

mendorong meneroka ke kawasan yang lebih jauh merentasi benua dan lautan
Abad ke 9 bidang geografi dan pelayaran dikuasai oleh orang islam
Lahir tokoh-tokoh pelayaran islam seperti Ibn Masudi , Ibn Batuttah dll
berjaya menghasilkan bahan-bahan penyelidikan serta teori berkaitan ilmu
geografi dan pelayaran

5. Tahun Hijrah

Melahirkan tahun hijrah dalam takwim Islam bermula dari tarikh orang islam dari
Mekah ke Madinah pada 1 muharram 1H bersamaam 16 Julai 622M. Penentuan
tahun hijrah dibuat pada zaman Khalifah Umar al-Khattab pada tahun 17H.

Tujuan untuk mengingati peristiwa hijrah yang penuh pengajaran dan hikmat dan
memudahkan urusan pentadbiran berjalan lancar.

Takwim hijrah mengikut peredaran bulan, dan daripada takwim ini, ilmu yang
berkaitan dengan pelayaran dan penjelajahan telah dikembangkan kepada ilmu
khusus tentang alam seperti geografi dan astronomi.

6. Menyebarkan agama islam.

Hijrah Nabi untuk menyebarkan agama Islam ke wilayah baru telah dicontohi
oleh beberapa pendakwah Islam seperti Syeikh Ismail di Pasai, Sayid Abu bakar
di Jawa, Syeikh Abdul Aziz di Melaka yang mula-mula tiba di Alam Melayu dan
memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di seluruh Alam Melayu.

Kesannya keimanan rakyat tempatan diperkukuh.

7. Menyebarkan ilmu pengetahuan

Melalui penerokaan dan penjelajahan, umat Islam telah dapat memperoleh ilmu
pengetahuan dari tamadun sebelumnya atau melalui pemerhatian alam.

Ilmu astronomi dari Yunani, Parsi dan India telah mempengaruhi ahli-ahli
astronomi Islam.

Ilmu geografi Islam juga semakin maju melalui penjelajahan dan penerokaan ke Mesir,
Parsi, Yunani dan
lain-lain.

Banyak buku-buku dalam pelbagai bidang telah diterjemahkan daripada bahasa
Yunani, Parsi , India dan Mesir seperti buku perubatan.

Kesannya bidang pengintelektualan Islam telah berkembang ke seluruh dunia
termasuklah ke Eropah.

Kesimpulan (1 Markah)

Penjelajahan dan penerokaan amat penting dari perspektif islam iaitu dlm konteks
dakwah, politik, ekonomi, kebudayaan dan pengintelektualan .Hal ini kerana penjelajahan
dan penerokaan dapat mperluaskan lagi pemikiran dan pengetahuan umat islam
supaya ia dapat mencakupi semua ruang lingkup kehidupan umat islam itu sendiri.
Banyak ayat Al Quran yang member kepentingan tentang penerokaan dan penjelajahan.
Umat islam harus mengambil iktibar daripada penghijrahan Rasulullah (S.A.W) untuk
meneruskan perjuangan hidup untuk kebaikan umat Islam.